هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ

Ini adalah suatu keterangan bagi seluruh manusia dan petunjuk serta pelajaran bagi orang-orang yang bertaqwa.



في إيضاح الطريقة

TAUDHZIH AT-TARIQAH FI IDHZAH AT-TARIQAH

Terjemahan Melayu, Tashrih dan Tashih:

'Abdu Dha'if Faqir Haqir Khakpaey Buzurgan La Syaik Miskin Fani

Hadhrat Faqir Haqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani

Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi 'Ufiya 'Anhu

Dari Talifat Karangan:

Mujaddid Miati Tsalatsata 'Ashara Naib Hadhrat Khairul Bashar

Hadhrat Buzurguar Khwajah Khwajagan Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Ad-Dehlawi

Naqshbandi Mujaddidi Mazhari Rahmatullah 'Alaih

Terbitan dan Edaran:

Markaz Khanqah Khaliliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah

Naqshbandi Akademi Quran Sunnah Hadits

Gombak Selangor Darul Ehsan

1433/2012

Kitab Asal:
Idhzah At-Tariqah (Farsi-Urdu)
Talifat Karangan:
Hadhrat Khwajah Maulana Shah Abu Sa'id Ad-Dehlawi Naqshbandi Mujaddidi
Mutarjimah dan Syarah:
Hadhrat Maulana Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi
Editor:
Faqir Hadhrat Mohamad Tahair Naqshbandi Mujaddidi

Terbitan dan Edaran:
Markaz Khanqah Khaliliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah
Naqshbandi Akademi Quran Sunnah Hadits
Gombak Selangor Darul Ehsan

Terbitan Pertama: 1433/2012

KANDUNGAN KITAB

MUQADDIMAH



Sesudah mengucapkan puji-pujian dan Selawat, hamba faqir 'Abdullah yang dikenali sebagai Ghulam 'Ali 'Ufiyallahu 'Anhu ingin menyatakan bahawa, ketika daku berusia 22 tahun, dengan 'Inayat yang tidak terbatas dari Allah Ta'ala yang telah menghitung hal keadaanku, daku telah sampai untuk berkhidmat kepada punca limpahan Faidhz pada zaman ini dan seorang sahaja pada masa ini yang menerbitkan cahaya-cahaya dan yang menyingkapkan rahsia-rahsia, penghidup Sunan Nabawiyyah, Qayyum Penegak Tariqah Mujaddidiyah, Hadhrat Shamsuddin Habibullah Mirza Mazhar Jan Janan semoga Allah mensucikan rahsianya. Daku telah mendapat kemuliaan mengambil Istifadhah dengan berbai'at menuruti kehendak Khandan Silsilah Qadiriyyah 'Aliyyah. Meskipun Hadhrat Shamsuddin Habibullah Mirza Jan Janan mengambil faedah dari Silsilah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah dan dengan Nisbat Khandan inilah beliau telah menghubungkan kepada Para Muridnya. Beliau telah memperolehi Nisbat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah ini daripada Sayyidus Sadat Hadhrat Sayyid Nur Muhammad Budayuni Rahmatullah 'Alaih dan beliau telah menghasilkan Nisbat ini daripada Hadhrat Syeikh Saifuddin Rahmatullah 'Alaih yang merupakan Khalifah kepada Hadhrat Urwatul Wutsqa Khwajah Muhammad Ma'sum Rahmatullah 'Alaih dan juga merupakan puteranya. Hadhrat Mirza telah mendapat kebenaran Ijazat untuk berbai'at dengan Tariqat Qadiriyyah menerusi pembukaan Futuh Ruh Hadhrat Ghauts Tsaqilain Rahmatullah 'Alaih yang telah dibukakan kepadanya. Hadhrat Mirza Mazhar Jan Janan Rahmatullah 'Alaih telah berkata bahawa,

"Sebelum Hadhrat Sayyid Nur Muhammad Budayuni Rahmatullah 'Alaih meninggal dunia, dengan perintah beliau daku telah mengambil Istifadhah dari Hadhrat Syaikh Shuyukh Khwajah Muhammad 'Abid Samani Rahmatullah 'Alaih. Beliau adalah pengganti kepada Hadhrat Syaikh 'Abdul Ahad Rahmatullah 'Alaih dan juga merupakan Khalifah kepada Hadhrat Syaikh Muhammad Sa'id Rahmatullah 'Alaih semoga Allah mensucikan rahsia-rahsia mereka."

Hadhrat Buzurguar Khwajah Mirza Mazhar Jan Janan Syahid Rahmatullah 'Alaih ﵀ telah berkata,

"Ketika daku berkhidmat kepada Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid ﵀ daku telah memohon izin kebenaran Ijazat Khandan Silsilah Qadiriyyah 'Aliyyah. Beliau telah mengkabulkannya dan beliau telah memberikan Tawajjuh kepada faqir ini dan kaifiyat kehilangan diri mula berlaku pada diriku. Ketika dalam keadaan kehilangan diri ini, daku telah dikurniakan kemuliaan melihat keindahan Penghulu Sekalian Alam ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan daku telah melihat bahawa Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid Rahmatullah 'Alaih ﵀ dalam kehadiran bersama Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Daku telah memohon kebenaran Ijazat bagi diriku untuk diterima sebagai Khandan dalam Silsilah Qadiriyyah. Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah berkata,

"Mohonlah dari Hadhrat Ghauts Tsaqilain ﵀. Dan beliau telah mengkabulkannya. Beliau telah menyuruh Khadimnya untuk memberikan ***Khirqah Ijazat*** kepada beliau. Khadim tersebut telah membawakan ***Khirqah*** tersebut yang merupakan pakaian rasmi dan telah meletakkannya ke leher faqir ini. Pada faqir ini telah berlaku Warid Kaifiyat dan keberkatan yang ajaib yang tidak dapat dijelaskan." Sesudah menyaksikan Musyahadah peristiwa ini, dengan perintah Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid Quddisa Sirruhu ﵀ daku telah terlepas dari hal keadaan kehilangan diri itu dan Hadhrat Syaikh ﵀ telah mengurniakan kemuliaan dan memohon keberkatan ke atas diriku."

Hadhrat Mirza Rahmatullah 'Alaih ﵀ telah berkata,

"Dengan ijazat ini, cahaya-cahaya Nisbat Qadiriyyah yang secara pewarisannya telah berjalan dalam Khandan Para Masyaikh telah mulai bertambah dalam diriku."

Hadhrat Mirza Rahmatullah 'Alaih ﵀ telah berkata bahawa,

"Daku juga telah sampai kepada Nisbat Chistiyyah menerusi Hadhrat Khwajah Qutbuddin Rahmatullah 'Alaih ﵀ dan Kaifiyat Nisbat Chistiyyah kadang-kadang dengan secara sendirinya telah terzahir pada diriku. Dan ***Zauq*** dan ***Shauq*** yang merupakan kelaziman dalam Khandan Silsilah ini, telah menjadi suatu kegembiraan dalam hatiku dan pada waktu itu, kecenderunganku mula ke arah perkara-perkara alunan ***Sima'***."

Hadhrat Mirza Rahmatullah 'Alaih ﵀ adalah seorang yang ***Jami'*** iaitu terhimpun padanya ***Nisbat Naqshbandiyyah, Qadiriyyah, Mujaddidiyyah*** dan ***Chishtiyyah*** tetapi Nisbat Para Buzurgan Mujaddidiyah lebih Ghalib menguasai hal keadaan dirinya. Beliau sentiasa memelihara dan memerhatikan Adab Khandan Silsilah Naqshbandiyyah dan beliau memberikan Talqin Zikir dan Ashghal dalam Tariqat 'Aliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah.

Telah tersebar di seluruh penjuru alam limpahan Faidhz dan keberkatan beliau. Para Khalifah beliau dan Khalifah kepada Khalifah beliau telah menjadi asbab pembimbing Hidayat ke arah jalan Tuhan bagi Para Penuntut di seluruh alam.

Hadhrat Mirza Rahmatullah 'Alaih telah memberikan Talqin kepada hamba yang miskin ini untuk melakukan Zikir dan latihan Syughal Batini dan daku telah memilih untuk berpegang teguh dan Istiqamah atas jalan Tariqah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah.

Sehingga lima belas tahun daku telah bersuhbat dengan Hadhrat Mirza dan telah menghasilkan cahaya-cahaya Anwar Halqah Zikir dan Tawajjuh dan Muraqabah dan menerusi perhatian Tawajjuhat beliau yang berkat dan menggembirakan Ruh, daku telah berhasil mencapai kesesuaian yang munasabah dan Waridat serta Ahwal Tariqat 'Aliyyah Mujaddidiyyah dan daku telah berhasil mendapat Kaifiyat Tariqat 'Aliyyah ini, Maqamatnya dan menguji perasaan Zauq dan merasai secara Wijdan akan perkara Istilahat yakni perkara-perkara yang telah diistilahkan di dalam Tariqat ini dan telah berhasil mencapai Idrak kefahaman berkenaannya. Maka pujian bagi Allah atas perkara tersebut.

Pada tahun 1212 Hijrah ketika hari-harinya, beberapa orang sahabatku telah meminta daku supaya menghimpunkan beberapa faedah-faedah daripada perkataan Hadharat Khwajagan Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah yang diberkati dan menghuraikannya. Tetapi huraian dan syarahan tentang faedah-faedah ini secara sempurnanya telah daku perolehi menerusi limpahan Faidhz bersuhbat dengan Hadhrat Mirza Mazhar yang memiliki banyak keberkatan.

Jikalau tidak, untuk menjelaskan perkataan-perkataan Para Masyaikh dan menulis sesuatu atas tajuk ini pada diri hamba yang tidak ada keupayaan dan kekuatan ini adalah sangat jauh sama sekali.

Syair:

Bersuhbat dengan seorang kekasih yang cantik dan indah;

Telah memberikan suatu kesan yang mendalam di hatiku;

Jika tidak, daku hanyalah tanah kepada tanah semata-mata.

BAB 1: TARIQAT NAQSHBANDI MUJADDIDI

USUL DASAR TARIQAT NAQSHBANDI MUJADDIDI

Ketahuilah bahawa Usul Dasar Tariqat Mujaddidiyyah berada di atas Usul Tariqat Naqshbandiyyah dan Usul-usul tersebut adalah seperti berikut:

1. Wuquf Qalbi
2. Tawajjuh dengan Mabda Faidhz
3. Nigah Dahsyat Khawatir
4. Dawam Zikir
5. Berpegang teguh dengan Suhbat Syeikh

Pada setiap Maqam, hendaklah sentiasa memerhatikan ***Mawrid Faidhz*** dan ***Mabda Faidhz*** dan sentiasa berikhtiar untuk melakukan Zikir Azkar dan latihan Syughal Tariqat Naqshbandiyah. Tetapi maqamat dan istilahat yang tinggi para akabirin adalah suatu perkara yang lain. Khulasah bagi perkara-perkara tersebut serta faedah-faedahnya akan dihuraikan dalam risalah ini.

Alhamdulillah semuanya ini telah terhasil pada hamba ini menerusi keberkatan bersohbat dengan Penghidup Sunan Nabawiyyah Pir Dastagir Qayyum Tariqat Mujaddidiyah ﷺ dan suluk Para Akabirin tersebut sehingga ke Maqamat yang penghujung pun telah terhasil. Hanya orang yang memiliki Wijdani yang dapat mengetahui apakah sebenarnya Maqamat ini dan siapakah mata air bagi lautan Faidhz dan keberkatan tersebut.

Syair:

Pada jalan Tariqat ini janganlah kefahamanmu berlari terlalu jauh;

Cukuplah kemuncak kefahamanmu mengetahui hanya Allah sahaja.

Hadhrat Pir Murshid ﷺ berkata bahawa Tariqat Mujaddidiyyah yang mulia ini memiliki suatu maksud yang lain iaitu:

1. Dawam Hudhur dan Dawam Agahi dengan Hadhrat Zat Ilahiyyah ﷻ.
2. Memiliki 'Aqidah yang betul dan Sahih menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
3. Hendaklah selalu menuruti amalan Sunnah Nabawiyyah.

Jikalau Salik tidak memenuhi salah satu daripada ketiga-tiga perkara tersebut, maka dia adalah terkeluar dari jalan Tariqat. ***Na'uzubillahi Minha!***

Di kalangan Para Sahabat Radhiyallahu Ta'ala 'Anhum ﷺ yang mulia, hal keadaan ***Dawam Hudhur*** dan ***Dawam Agahi*** adalah dikenali sebagai ***Ihsan*** dan pada istilah Para Sufiyyah yang mulia. Maqam ini juga dikenali sebagai ***Syuhud*** dan ***Musyahadah*** dan ***Yad Dashyat*** dan ***'Ainul Yaqin***.

Untuk menghasilkan nikmat ini, yang mana ianya akan memperbaiki 'Ubudiyyat terhadap Allah Ta'ala ﷻ, Para Akabirin Mujaddidiyah ﷺ telah menentukan tiga jalan Tariqah:

1. Tariqah Zikir Ismu Zat dan Nafi Wa Itsbat
2. Tariqah Muraqabah
3. Tariqah Rabitah

TARIQAH PERTAMA: TARIQAH ZIKIR

Hendaklah berzikir dengan berterusan sambil memelihara segala syarat-syaratnya. Zikir terbahagi kepada dua iaitu:

1. Zikir Ismu Zat.
2. Zikir Nafi Wa Itsbat.

TARIQAH ZIKIR ISMU ZAT

Zikir yang pertama ialah Zikir Ismu Zat. Cara melakukan Zikir Ismu Zat ialah lidah hendaklah ditongkatkan ke langit dan dengan lidah hati yang kedudukannya berada dibawah tetek kiri pada anggaran 2 jari, hendaklah menyebutkan Nama ***Allah*** ﷻ yang Mubarak dan menghayati pengertian mafhumnya, bahawa Zat Allah Ta'ala ﷻ yang bersifat dengan sifat-sifat Yang Sempurna dan Maha Suci Dia dari segala kekurangan dan kebinasaan.

Hendaklah diletakkan di dalam fikiran bahawa daku beriman pada Zat tersebut dengan menghadirkan kewujudannya secara Wujud Zihni iaitu Wujud Allah ﷻ dalam fikiran. Ketika berzikir, badan dan lidah jangan digerakkan sekali-kali. Pada setiap waktu, Salik hendaklah melakukan zikir ini terus-menerus dengan hati sehingga zikir berjalan di hatinya. Kemudian, lakukan Zikir Ismu Zat pada Latifah Ruh yang kedudukannya pada bawah tetek kanan pada kadar 2 jari. Setelah hidup zikir pada Latifah Ruh, lakukan Zikir pada Latifah Sirr, yang kedudukannya bertentangan dengan tetek kiri menghala ke tengah dada pada anggaran 2 jari. Lakukan Zikir Ismu Zat sehingga zikir turut berjalan pada Latifah Sirr ini. Kemudian lakukan Zikir Ismu Zat pada Latifah Khafi yang kedudukannya sama dengan tetek kanan menghala kea rah dada dengan anggaran 2 jari. Kemudian lakukan Zikir Ismu Zat pada Latifah Akhfa yang kedudukannya tepat di tengah dada. Lakukan zikir sehingga latifah ini juga hidup dengan zikir. Sesudah menghidupakan kelima-lima Lataif Alam 'Amar, lakukan Zikir Ismu Zat pada Latifah Nafs yang kedudukannya pada tengah dahi. Dan kemudian pada Latifah Qalibiyyah yakni seluruh jisim badan. Lakukan Zikir Ismu Zat sepertimana yang diamalkan dalam Tariqat Mujaddidiyah. Ini dinamakan sebagai ***Sultan Al-Azkar.***

TARIQAH ZIKIR NAFI ITSBAT

Zikir yang kedua ialah Zikir Nafi Itsbat. Cara melakukan Zikir Nafi Itsbat ialah nafas hendaklah ditahan di bawah pusat. Sesudah itu, lidah ditongkatkan ke langit-langit dan dengan lidah khayalan ucapkan:

1. Kalimah ***LA*** ditarik dari pusat sehingga ke otak.
2. Lafaz ***ILAHA*** di bawa ke bahu kanan.
3. Lafaz ***ILLA ALLAH*** dipalukan ke hati.

Dengan mana kelima-lima Lataif juga akan turut terasa dan lafaz **Muhammadur Rasulullah** hendaklah disebut dalam khayalan ketika melepaskan nafas. Dan di antara syarat-syarat zikir ketika melakukan Zikir Nafi Itsbat hendaklah:

1. Ketika berzikir, adalah menjadi syarat bahawa makna hendaklah diperhatikan. Pada pengertian makni ini adalah bahawa selain dari Zat Allah ﷻ yang Maha Suci, tiada apa pun yang menjadi maksudku. Bagi setiap lafaz makna adalah lazim baginya kerana tanpa makna, lafaz tidak bererti apa-apa.
2. Ketika melakukan ***Nafi*** (**LA ILAHA**), hendaklah menafikan wujud diri dan segala kewujudan dan ketika ***Itsbat*** (**ILLA ALLAH**), hanya mengitsbatkan Zat Hadhrat Haqq ﷻ Yang Maha Suci. Meskipun segala maksud-maksud telah dinafikan ketika permulaannya, akan tetapi pada kegiatan Itsbat yang hanya menetapkan kepada Allah Ta'ala ﷻ semata-mata akan menghasilkan suatu keluasan yang besar.
3. Sesudah berzikir beberapa lama, hendaklah mengucapkan dengan lidah hati dengan kehinaan dan rendah diri yang sempurna, memohon dengan penuh pengharapan dengan ucapan berikut: ***"Ya Allah ﷻ Ya Tuhanku, maksudku hanyalah Engkau dan Keredhaanmu. Dan telah ku lepaskan Dunia dan Akhirat kerana Engkau. Kurniakanlah kepadaku Cinta dan Ma'rifatMu".*** Jikalau penuntut tidak memiliki sifat Darwish yang sempurna dan Sadiq pada dirinya, maka sebutan: "***Telah ku lepaskan Dunia dan Akhirat",*** janganlah disebut. Jika tidak, maka hendaklah mengatakan ungkapan tersebut secara lazim.
4. Hendaklah bertawajjuh ke arah Qalb. Tetapi jangan menggambarkan rupa bentuk hati sanubari ataupun ukiran Ismu Zat. Hanya tumpu ke arah Qalb dan Tawajjuh sedemikian dinamakan sebagai ***Wuquf Qalbi,*** dan Tawajjuh ini menduduki ***Maqam Dharab*** di dalam Tariqat-tariqat yang lain.

Catitan: ***Maqam Dharab*** adalah kedudukan berzikir dengan mengeraskan suara yang dipalukan sekuat-kuatnya ke dalam hati sanubari, dapat berupa satu dharab pukulan, dua dharab pukulan atau tiga dharab pukulan sampai enam dharab pukulan.

5. Hendaklah bertawajjuh ke arah Zat Allah Ta'ala ﷻ. Pandangan hendaklah di hala ke arah atas bahawa Zat Allah ﷻ sedang melihat dan hendaklah menunggu kehadiran limpahan Faidhz. Bertawajjuh ke arah atas adalah kerana bersesuaian dengan adab bahawa Allah Ta'ala ﷻ adalah Maha Tinggi dari sekalian ***Ashya.***
6. ***Wuquf Qalbi*** dan ***Tawajjuh*** terhadap ***Mabda Faidhz*** adalah antara rukun-rukun zikir dan dengan cara tersebut akan menghasilkan ***Nisbat Hudhur Ma'a Allah*** yakni kehadiran beserta Allah ﷻ. Tanpa kedua-dua rukun ini, penghasilan nisbat tersebut adalah mustahil.
7. Ketika berzikir, segala khayalan-khayalan dan was-was pada hati hendaklah dihentikan dan pada ketika hati dimasuki khayalan yang selain Allah ﷻ, pada ketika itu juga ia dihindarkan supaya khayalan-khayalan yang selain Allah ﷻ tidak dapat menguasai hati. Dalam Tasawwuf, ianya dinamakan sebagai ***Nigah Dashat.***
8. Menahan nafas ketika berzikir adalah berfaedah, tetapi bukanlah salah satu dari syarat-syarat zikir. Dengan menahan nafas, akan menghangatkan Qalb dan menjadikannya ***Shauq*** dan Qalb akan menjadi lembut dan penafian terhadap khayalan-khayalan, ***Zauq*** dan cinta Mahabbat akan terbentuk. Dengan menahan nafas juga, akan memungkinkan Salik menjadi seorang Ahli Kashaf.
9. Memelihara bilangan yang ganjil ketika melakukan Zikir Nafi Itsbat dinamakan sebagai ***Wuquf 'Adadi.*** Para akabirin berkata bahawa ***Wuqud 'Adadi*** adalah matapelajaran pertama Ilmu Ladunni, bahawa dengan zikir ini terdapat kaifiyat-kaifiyatnya dan terdapat ilmu baginya.
10. Penyingkapan rahsia-rahsia dan memperolehinya adalah terhasil menerusi Zikir ini. Zikir ini, diriwayatkan dari Hadrat Khidir 'Alaihissalam secara menahan nafas. Maka jika dengan satu nafas, penuntut dapat berzikir Nafi Itsbat sampai bilangan 21 kali, namun tiada manfaat atau kesan pada dirinya, maka amalannya adalah batil dan sia-sia dan tidak terhitung dalam Tariqat. Dia hendaklah memulakan sekali lagi dari mula amalan Zikir dan memerhatikan syarat-syaratnya.

TARIQAH KEDUA: MURAQABAH

Tariqah yang kedua adalah Muraqabah. Dalam Silsilah ini, cara yang kedua adalah Muraqabah, yakni tanpa perantaraan Zikir dan tanpa perantaraan Murshid, Murid memberikan Tawajjuh pada hatinya dan mensucikan khayalannya dari selain Allah ﷻ dan mengawasi limpahan Faidhz Ilahi ﷻ. Adalah dikehendaki bahawa setiap waktu bertawajjuh ke arah Allah Ta'ala ﷻ dengan merasakan kelemahan diri dan kerendahan hati sehingga tenggelam dalam Allah Ta'ala ﷻ. Dengan pemerhatian yang berterusan ini, hendaklah diberikan Tawajjuh terhadap Zat Allah Ta'ala ﷻ.

Tawajjuh yang berterusan adalah zikir yang tertinggi dan merupakan maksud bagi zikir. Yang dituntut dari Zikir Ismu Zat adalah kehadiran beserta Allah ﷻ dan bukannya zikir yang hanya sebagai perantaraan sahaja. Hanya untuk maksud ini sahaja dan cukuplah. Dikatakan bahawa Muraqabah dengan penuh Jazbah adalah lebih membawa pendekatan terhadap Zat Allah Ta'ala ﷻ mengatasi amalan Zikir Ismu Zat. Jikalau Muraqabah secara ***Daimi*** yakni berterusan sudah terhasil, maka penuntut akan mencapai ***Martabat Wizarat*** iaitu kata jamak bagi Wazir yakni menteri. Di samping itu, perkataan-perkataan hati akan tersingkap baginya dan akan terhasil padanya ***Tasarruf*** di Alam Mulk dan Alam Malakut. Akan tetapi, keupayaan Muraqabah adalah sukar untuk dihasilkan tanpa Zikir yang banyak dan tanpa Suhbah Syaikh.

TARIQAH KETIGA: RABITAH

Tariqah yang ketiga adalah mengasihi Syaikh Kamil dengan bersuhbat dengannya dan keberkatan Tawajjuh dan Ikhlasnya, Ghaflat akan terjauh dari hati murid. Dengan kegiatan mencintai Allah, akan bersinarlah cahaya musyahadah Ilahi di dalam hatinya. Adalah lazim bagi Murid bahawa ketika hadir pada seorang Syaikh Kamil hendaklah memerhatikan adab-adab dan menggembirakan hatinya dan ketika ketidakhadirannya, hendaklah memerhatikan gambaran wajahnya secara ***Nigah Dashat*** dan menghasilkan Faidhz darinya. Dikatakan bahawa Tasawwuf secara keseluruhannya adalah ***Adab*** dan sesiapa yang tidak beradab tidak akan sampai ke Tuhannya.

Syair:

Barangsiapa yang mensia-siakan Pentarbiah yang rendah,
Tak akan sekali-kali sampai kepada Pentarbiah yang Maha Tinggi

Para Masyaikh berkata bahawa Tariqah yang ketiga, iaitu Suhbah dengan Syaikh Kamil adalah jalan yang lebih mudah dari Tariqah Zikir dan Tariqah Muraqabah dan ianya akan menyampaikan seseorang Salik kepada Allah Ta'ala. Ianya juga dinamakan sebagai Zikir Rabitah.

BERSUHBAH DENGAN SYAIKH KAMIL

Syaikh Kamil adalah seorang yang pada zahirnya menuruti Sunnah dan pada batinnya suci dari yang selain Allah Ta'ala ﷻ. Dengan bersuhbah bersama mereka akan mendatangkan suatu kesan pada hati seseorang murid yang mana dengan bersuhbah bersama mereka akan menyucikan ingatan Murid terhadap yang selain Allah ﷻ. Dan dengan kesungguhan ***Himmah*** mereka, hati Murid akan mula bertawajjuh ke Hadhrat Allah Ta'ala ﷻ. Akan tetapi, hendaklah diingat bahawa kadar kesannya akan berlaku menurut sebanyak mana usaha dan keikhlasan, maka sebanyak itulah kesannya akan terzahir pada Murid secara berperingkat-peringkat.

Syair:

Seseorang yang memilih untuk bersama seseorang Syaikh,
Jika kaifiyat Jam'iyyat masih belum terdapat pada hatinya,
Dan tidak menganggap yang dirinya lebih hina dari tanah,
Maka hendaklah kamu lari dari bersuhbah dengan dirinya,
Jika kau tidak lari, maka dia pasti akan memegang Ruhmu,
Dan kesudahannya, sinaran Ruhani tidak akan kau perolehi.

Kesan Tawajjuh Syaikh yang Kamil, Mukammal dan Mukammil boleh diiktibarkan segala urusan mereka bahawa secara berperingkat-peringkat, penghasilan Jam'iyyat terhadap segala khawatir dan Tawajjuh dengan Hadhrat Zat Ilahi جل جلاله dan akan terhasillah suatu tarikan Jazbah pada hati yang mana merupakan alamat tanda-tanda hijab-hijab sedang diangkat. Rasa kepanasan dan kehangatan yang terzahir meskipun memberikan faedah dan menyelerakan Zauq, akan tetapi pada kurun awal, hal ini tidak berlaku.

Ketahuilah dalam Tariqat ini, bahawa yang paling mampu diamalkan oleh seorang penuntut adalah pada bila-bila masa yang dikehendakinya, hendaklah dia menyibukkan dirinya dengan amalan ini. Pertamanya, hendaklah beristighfar beberapa kali dan Taubat dan menghadirkan maut. Sesudah itu, rupa Darwish yang terhasil zikir darinya hendaklah digambarkan di hadapan hati dengan sepenuh adab supaya akan berlaku ***Jam'iyyat*** dan ***Kaifiyat.***

Kemudian, hendaklah menyibukkan diri dengan zikir dengan segala syarat-syaratnya, terutama sekali pada ***Zikir Ismu Zat*** yang mana mewajibkan penghasilan rasa kehangatan dan Shauq kelazatan. Kemudian dalam ***Zikir Nafi Itsbat,*** jikalau hati terasa penat dengan menahan nafas, maka hendaklah berzikir tanpa menahan nafas dan di dalam zikir dan Muraqabah, hendaklah bertawajjuh ke arah Hadhrat Zat Ahadiyyat Sirfah Allah Ta'ala جل جلاله. Zikir tanpa Tawajjuh tiada kelebihan padanya selain was-was.

ZIKIR TAHLIL LISANI

Zikir Tahlil Lisani meskipun tidak diamalkan sehingga terhasilnya penguasaan ***Hudhur,*** akan tetapi dengan syarat-syarat yang berikut ianya akan menghasilkan faedah:

1. Zikir hendaklah dilakukan sebanyak-banyaknya. Hati tidak akan terbuka tanpa zikir yang banyak. Dalam waktu seharian kamu, janganlah kamu lalui masa kamu dengan tanpa zikir dan Tawajjuh terhadap Zat Ilahi جل جلاله.

2. Ketika kamu bertemu dengan orang ramai dan ketika kamu dalam majlis keramaian, juga hendaklah menyibukkan diri dalam zikir dan Dawam Agahi menguasai limpahan Faidhz dari Zat Ilahi جل جلاله.

Syair:

Limpahan Faidhz yang Haq tiba-tiba sampai kepadaku;

Tetapi hatiku mengawasi keadaanku dalam waktu sekelip mata;

Hati tidaklah terlalai dariNya dan boleh jadi;

Dia sedang memerhatikan kamu dan kamu tidak menyedarinya.

Hal keadaan tersebut dinamakan sebagai Khalwat dalam Anjuman yakni khalwat dalam keramaian, iaitu keadaannya beserta Hakikat dan zahir badannya beserta manusia. Atau disebut sebagai ***Sufi Kain Bain.***

Ketahuilah bahawa apabila hati bertakluk dengan selain Allah Ta'ala ﷻ, dan khayalan keburukan semakin kuat dalam hati, maka untuk limpahan Faidhz sampai ke dalam batin akan menjadi sukar. Justeru itu, dengan kalimah **LA**, hendaklah menafikan segala akhlaq-akhlaq yang buruk tersebut. Sebagai contoh misalnya penyakit hasad, sewaktu menyebut **LA**, hendaklah menafikan hasad dan sewaktu mengucapkan **ILLA ALLAH**, hendaklah mengikrarkan kecintaan muhabbat terhadap Allah Ta'ala ﷻ.

Dengan cara memperbanyakkan Zikir Nafi Itsbat seperti ini, hendaklah hadir di pintu gerbang Allah Ta'ala ﷻ dengan kehinaan diri untuk menghapuskan sifat-sifat yang buruk tersebut sehinggalah diri bersih dari sifat-sifat yang buruk tersebut. Dan begitulah juga untuk menghindarkan kesukaran-kesukaran batin supaya terhasillah Tasfiyah dan Tazkiyah. Latihan Syughal tersebut adalah suatu jenis daripada ***Safar Dar Watan.***

Catitan: ***Safar Dar Watan*** mempunyai banyak pengertian dan salah satu daripada pengertian yang dimaksudkan di sini adalah bersafar kembali ke sifat-sifat yang baik.

Syair:

Hendaklah berzikir dan terus berzikir selama mana kamu terus hidup,

Kebersihan hati akan terhasil dengan berzikirullah

Ayat Al-Quran:

وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ

"Hendaklah kamu berzikir sebanyak-banyaknya supaya kamu mencapai kejayaan."

Hanya dengan Zikir sahaja akan terhasilnya ***Fana*** dan ***Baqa*** dan hanya dengan Zikir sahaja boleh membawa kita sampai beserta Allah Ta'ala ﷻ.

DAWAM HUDHUR

Apabila berlaku Kaifiyat dalam Zikir maka ianya hendaklah dipelihara dan jika Kaifiyat menjadi hilang, maka hendaklah zikir mengingatinya semula sehingga Kaifiyat dan Hudhur menjadi semakin teguh. Apabila Talib mencapai ***Jazbah Qabuliyyat*** yakni tarikan batin penerimaan dari Allah, maka dia akan merasakan limpahan Faidhz dan hembusan Rahmaniyah dari Tuhan Yang Maha Pemurah melimpahi dirinya. Kadang-kadang, limpahan Faidhz tersebut Warid secara tiba-tiba di dalam hati yang menyebabkan berlakunya ahwal-ahwal ***Bey Khudi*** iaitu merasa kehilangan diri dan apabila Kaifiyat ini menjadi Mutawatir dan Musalsil yakni berturut-turut, maka hendaklah mengharapkan ***Dawam Hudhur Ma'a Allah*** dan penghasilan Fana. Sesudah terhasil Dawam Hudhur, penuntut akan maju atas Hakikat Zikir dan pada sebelumnya Zikir hanyalah pada rupanya sahaja dan bukan pada hakikatnya.Penghasilan makna atas perkara ini bagi seseorang Talib dalam Tariqat ini adalah seumpama seseorang yang mengambil Zikir dan menyibukkan diri di dalam latihan-latihannya. Dalam tariqat-tariqat yang lain, untuk menghasilkan hal keadaan tersebut adalah bergantung kepada kekuatan Tawajjuh seorang Murshid. Ada yang sesetengahnya cepat dan sebahagiannya dengan lambat. Dalam Tariqat Mujaddidiyyah ini menurut Para Masyaikh terdahulu yang dimaksudkan dengan Lataif adalah suatu darjat ketenggelaman dalam ***Hudhur Ma'a Allah***:

1. Jika Hudhur Haqq Ta'ala ﷻ sama dengan Hudhur Khalaq ianya dinamakan ***Zikir Qalb.***
2. Jika Hudhur Haqq Ta'ala ﷻ mengatasi Hudhur Khalaq ianya dinamakan ***Zikir Ruh.***
3. Jika Hudhur Haqq Ta'ala ﷻ dan tidak terdapat Hudhur Khalaq ianya dinamakan ***Zikir Sirr.***
4. Jika terdapat Hudhur Haqq Ta'ala ﷻ dan Hudhur Ana dan tiada Hudhur Khalaq maka ianya dinamakan ***Zikir Khafi.***

Catitan: Jika terdapat Hudhur Haqq Ta'ala ﷻ dan tiada Hudhur Ana dan Hudhur Khalaq, maka ianya dinamakan ***Zikir Akhfa***.

Syair:

Jikalau hari ini seseorang meminta pertolongan,
Daripada Limpahan Faidhz Ruh Al-Quddus,
Maka nescaya kini juga mereka dapat melakukan,
Seperti yang telah dilakukan oleh Hadhrat 'Isa.

Di sisi Hadhrat Mujaddid Alf Tsani, setiap Latifah adalah berasingan dan persiaran Sayr, Suluk, Fana dan Baqa dan Ilmu-ilmu Ma'rifat juga adalah berlainan.

Kerana itulah beliau telah menunjukkan kepada para penuntut jalan yang Haqq supaya melakukan ***Tahzib*** dan ***Taslik*** secara berasingan. Hadhrat Mujaddid telah berkata bahawa,

"Tariqat ini yang mana kami sedang menempuhnya kesemuanya adalah tujuh langkah. Daripada kesemuanya itu lima langkah dalam Alam Amar dan dua langkah dalam Alam Khalaq."

Dengan mengatakan dua langkah, ianya diiktibarkan sebagai Alam Khalaq dan Alam Amar. Akan tetapi di sisi putera-putera beliau, semoga Allah mensucikan Ruh-ruh mereka, sesudah seseorang Murid terhasil Fana Qalb, mereka terus menetapkan Tahzib pada Latifah Nafs. Ini kerana bahawa Lafifah Qalb dan Latifah Nafs adalah menanggung dalam Suluk, yakni Latifah Qalb menanggung Lataif Alam Amar dan Latifah Nafs menanggung Lataif Alam Khalaq. Keempat–empat Lataif ini juga turut terhasil Fana dan Baqa yakni apabila Latifah Qalb atau Latifah Nafs telah terhasil Fana. Pada waktu itu, inilah yang diamalkan kerana orang tidak mempunyai masa lapang dan pada mereka banyak kerja-kerja yang lain.

Hadhrat berkata bahawa apabila Salik bertawajjuh ke arah hatinya dan hatinya bertawajjuh ke arah Haqq Ta'ala, maka hal keadaan ini adalah ***Dawam Hudhur*** dan terhasilnya Hudhur, meskipun pengetahuan tentang Hudhur tidak hadir pada setiap masa. Meskipun Nafs kamu telah mencapai Hudhur dan kamu mengetahuinya dan ketika waktu kamu sibuk dalam kerja kamu, ianya mulai berkurangan. Ilmu itu ada, pengetahuan tentang ilmu tiada. Apabila dalam setiap waktu, sentiasa Dawam tanpa sebarang Khatrah dan pada Kaifiyat-kaifiyat Qalbinya, dia akan mencapai Kaifiyat yang ***Daimi*** dan pemerhatian yang berterusan dan menantikan sambil mengawasi limpahan Faidhz seolah-olah kamu sedang melihat Allah dalam kesedaran kamu dan ketika tidur kamu, dan ketika kamu sedang berkata-kata, ketika kamu sedang marah, ianya menjadi lazim pada Qalb dan ***Hudhur Bey Ghibat*** yakni kehadiranNya yang tanpa ghaib. Inilah yang dapat diiktibarkan sebagai ***Daimi Agahi*** iaitu sentiasa berjaga-jaga atau pengawasan yang berterusan. Inilah yang dinamakan sebagai ***Yad Dashat*** dan tanpanya segala-galanya adalah kosong. Hal keadaan ini junga dinamakan sebagai ***'Ainul Yaqin.***

Syair:

Selagi mana daku belum dapat melihat Rakankku dengan mata rahsiaku,
Maka, sehingga itulah daku dan kakiku tidak boleh diam dari sebarang tuntutan,
Orang berkata bahawa menerusi mata rahsia ini tidak boleh melihat Allah,
Tetapi daku dengan mata tersebut dalam setiap nafasku daku melihatNya.

Dalam Syair ini mengisytiharkan ***Kaifiyat Yad Dahshat, Agahi*** dan ***'Ainul Yaqin,*** tetapi disebabkan Ghalbah Hal ke atas penyair, dia tidak dapat membezakan di antara ***Rukyah Basar*** dan ***Rukyah Bashirah.*** Ingatlah, bahawa dengan mata yang zahir, dalam kehidupan di dunia ini, melihat Ilahi adalah tidak mungkin. Ini adalah 'Aqidah kita.

BAB 2: DAERAH WILAYAT SUGHRA

MURAQABAH MA'IYYAT

Sesudah itu Salik hendaklah melakukan Muraqabah Ma'iyyat dengan menghadirkan pengertian ayat Al-Quran yang berikut:



"Dan Dia bersama kamu di mana saja kamu berada."

Lakukan Muraqabah Ma'iyyat sambil melakukan Zikir Tahlil Lisani. Muraqabah ini hendaklah dilakukan dalam Wilayat Sughra dan merupakan Wilayat Para Awliya Allah ﷻ. Di dalam Wilayat ini, persiaran Sayr adalah di dalam ***Zillal Asma Ilahiyyah*** yakni Bayangan Nama-nama Allah Ta'ala ﷻ dan ini merupakan maqam Jazbah Mahabbat Ilahi. Pada Maqam ini, akan didapati jazbah-jazbah dan ***Ghalabat Nisbat*** iaitu ketenggelaman dalam Nisbat, kehangatan, Shauq, tempikan, teriakan, kelembutan, menangis, Zauq, Wusul dan mencapai kepada maksud. Di dalam kesedarannya, dia menafikan segala Nisbat Af'al pada hamba-hamba. Dan dia akan bernasib baik memperolehi Ahwal ***Tajalli Fi'li*** dan ***Tajalli Barqi*** iaitu penzahiran Tajalli yang berlaku sepantas kilat dan menyaksikan ***Wahdat Fi Katsrah*** yakni Keesaan Wahdat dalam berbagai perkara dan berbagai ahwal yang lain, seperti kejinakan, ketakutan, kehairanan, rasa keriangan, ***Ma'iyyat Ilahi*** iaitu rasa beserta denga Allah ﷻ, dan rasa ***Ihatah*** iaitu rasa bahawa Allah ﷻ meliputinya dan atas segala sesuatu dan akan terbuka rahsia-rahsia kepada orang-orang Ahli Basirah. Jikalau tidak berlaku sedemikian pun, dia akan merasakan ***Idrak Ma'iyyat Ilahi*** yakni kesedaran tentang kehadiran Allah ﷻ yang mana atas Maqam Wilayat Sughra ini, kejayaan yang berlaku ke atas Para Awliya tidak tersembunyi dan kesemuanya ini, bukanlah dari fikiran khayalan mereka bahkan ianya adalah dengan kesedaran dan Wijdan perasaan mereka.

Syair:

Khwajah tahu bahawa siapa yang sudah berhasil sampai kepada Allah,
Tapi kesemuanya ini tiada lain melainkan hanya dakwaaan semata-mata.

FANA QALB

Di dalam Wilayat Sughra akan berlaku ***Istighraq*** iaitu rasa ketenggelaman, terdapat ***Sukr*** iaitu sakar kemabukan Ruhaniah dan terdapat ***Masti*** iaitu rasa kehilangan yang bersangatan. Dalam Wilayat ini, segala takluk yang selain Allah ﷻ akan terputus dari hati secara keseluruhannya baik secara ***'Ilmi*** pengetahuan mahupun secara ***Hubbi*** kecintaan terhadap sesuatu yang selain Allah ﷻ.

Pada Qalb, akan terhasillah keterlupaan yang sempurna terhadap yang selain Allah ﷻ. Kaifiyat keadaan ini dinamakan sebagai ***Fana Qalb.***

Syair:

Seorang yang keakuannya sudah terpisah dari dirinya,

Keakuan itu akan pergi ke mana?

Justeru apabila daku dan dikau telah pun pergi,

Maka yang tinggal hanyalah Allah.

JENIS-JENIS FANA

Fana terbahagi kepada 4 jenis iaitu:

1. **Fana Khalaq** – Bahawa segala pengharapan dan rasa ketakutan seseorang Talib terhadap yang selain dari Allah ﷻ telah lenyap.
2. **Fana Hawa** – Bahawa di dalam hati, tiada kehendak atau keinginan kecuali keinginan hanyalah terhadap Allah Ta'ala ﷻ.
3. **Fana Iradah** – Bahawa segala kehendak dan keinginan menjadi tiada dari hatinya seperti seumpama orang yang mati.
4. **Fana Fi'li** – Talib menjadi Fana dalam segala tindakan dan Fi'il perbuatannya dan penglihatannya dan pandangannya dan perkataan dan percakapannya dan makan-minum serta dalam kefahamannya hanyalah Fi'il perbuatan Haqq Ta'ala ﷻ semata-mata.

Dalam mafhum Hadits Qudsi ada dinyatakan bahawa Allah Ta'ala ﷻ berfirman:

"Seorang hamba terus-menerus mendekatkan diri kepadaKu dengan melakukan 'Ibadah Nawafil sehingga Aku menyintainya, dan apabila Aku menyintainya, Akulah pendengarannya yang dia mendengar dengannya, Akulah penglihatannya yang dia melihat dengannya, dan Akulah tangannya yang dia bekerja dengannya, dan Akulah kakinya yang dia berjalan menggunakannya, dan apabila dia meminta kepadaKu, Aku akan memberikannya dan apabila dia berlindung denganKu, Aku akan melindunginya."

Syair:

'Ilmu pengetahuan Para Sufi seperti ibarat; Pancuran mata air bagi 'Ilmu Haqq,

Seluruh manusia dan Ma'rifat Ilham; Seorang Sufi adalah kurniaan Ilahi,

Ia bukanlah suatu kepunyaan mereka; Sama ada seseorang yakin ataupun tidak,

Tuhan telah menjadikan mata air 'Ilmu; Berjalan di dalam hati Qulub Para Sufi.

SEPULUH MAQAMAT

Pencapaian Maqamat Wilayat tanpa penghasilan Sepuluh Maqamat adalah tidak dapat dibayangkan. Sepuluh Maqamat tersebut adalah:

1. Taubat
2. Inabat
3. Zuhud
4. Qana'ah
5. Wara'
6. Sabar
7. Syukur
8. Tawakkal
9. Taslim
10. Redha

Pada Maqamat ini, adakalanya mungkin terjadi hal keadaan yang mana seseorang Wali itu tidak begitu teguh di atas sesuatu Maqam. Walau bagaimanapun, kesemua sepuluh Maqamat ini adalah perlu ditempuh oleh seseorang Wali. Dalam Khandan Silsilah Mujaddidiyah, kesemua sepuluh Maqamat ini ditempuh secara Ijmali dan secara Jazbi yang mana di dalam Tariqat yang lain, segala Maqamat ini ditempuh secara Tafsili yang mana persiaran Sayr dilakukan secara satu persatu dan secara Suluki.

Ketahuilah bahawa, Para Akabirin Mutaqaddimin Qaddasallahu Asrarahum dalam Tariqat ini mengatakan bahawa kekuatan yang sempurna adalah kemantapan dalam Hudhur dan terhasilnya Fana dan Baqa.

Hadhrat Syaikh Murshid telah berkata bahawa,

*"Pekerjaan yang terakhir adalah **Intizar** yakni menanti sambil mengawasi. Maka jika seseorang Talib itu sudah terhasil **Nisbat Hudhur Ma'a Allah** dan sudah mendapat keluasan **Nisbat Qalbi** iaitu Nisbat-nisbat pada Alam Amar dan bagi penuntut yang sudah terhasil **Hudhur Ma'a Allah** sehingga dia akan merasa diliputi dari keenam-enam arah dan penumpuan Tawajjuh terhadap Allah tidak dapat diungkapkan Kaifiyatnya, maka hendaklah dia memelihara Kaifiyat tersebut. Dan jika Istiqamah atas hal keadaan ini, maka dia akan bernasib baik mencapai **Hudhur Ma'a Allah** pada darjat yang lebih tinggi. Orang yang sedemikian ini adalah dari kalangan **Rakan Allah Ta'ala** dan dia tenggelam di dalam **Lautan Wahdat** dan di dalam Tariqat kami yang suci yakni **Tariqat Qadiriyah**, dia boleh diberikan **Ijazat.**"*

Akan tetapi di dalam ***Tariqat 'Aliyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah***, selagi mana Talib itu tidak mencapai Fana Nafs dan masih belum mencapai kesempurnaan dalam ***Wilayat Kubra***, sehingga itulah ***Ijazat Mutlaq*** tidak akan diberikan kepadanya.

BAB 3: DAERAH WILAYAT KUBRA

FANA NAFS DAN KESEMPURNAAN DALAM DAERAH WILAYAT KUBRA


Dalam Fana Qalbi, Khatrah hati dapat dihindarkan. Akan tetapi, ia mula datang ke dalam otak. Sesudah itu setelah menyedari lintasan Khatrah tersebut, dari manakah datangnya? Maka mulailah datang kehairanan pada diri Salik. Tetapi sesudah Fana Nafs, lintasan Khatrah tersebut juga akan terangkat dari otak. Bahawa terdapatnya Khatrah yang berlainan antara hati dan otak, dan perkara ini adalah tidak mungkin bagi orang-orang ahli akal dan ianya bertentangan dengan akal fikiran.

Akan tetapi, jalan Tariqat Para Rakan Allah Ta'ala ﷻ adalah mengatasi segala akal fikiran manusia. Sesudah sempurna melakukan urusan muamalah pada Lataif Qalbi, lalu dilakukan kegiatan Tahzib penyucian pada Latifah Nafs yang kedudukannya di sisi Hadhrat Mujaddid ﵁ adalah pada dahi Insan. Kesempurnaan Ilmu pengetahuan pada Maqam Qalb yang merupakan Wilayat Sughra di kalangan Ahli Kashaf dan Ma'rifat adalah mudah. Namun, bagi Ahli Wijdan dan Zauq, ianya adalah menerusi Ilham daripada Allah Ta'ala ﷻ dan hubungan dengan Hadhrat Para Masyaikh.

Boleh jadi juga, bahawa kesan-kesan penghasilan pada Nisbat Qalbi, cahaya Nisbat menjadi semakin luas seolah-olah pada dada terlimpahnya limpahan cahaya yang mengalir ke dalam bekas berbentuk piala di dalam hatinya dan tumpuan Tawajjuhnya ke arah atas dengan sangkaan bahawa Dia sedang mengawasi. Ianya berlaku secara tersembunyi dan Hudhur akan mulai menjadi semakin teguh dan ilmu pengetahuan ini hanya ada di sisi Allah Ta'ala ﷻ. Hanya Allah ﷻ sahaja yang mengetahui keadaan Hudhurnya.

MURAQABAH AQRABIYYAT HADHRAT ZAT PADA DAERAH WILAYAT KUBRA

Pada Maqam ini dilakukan Muraqabah pada ayat:



"Dan Kami adalah lebih dekat kepadanya dari urat lehernya."

Dengan melakukan ***Zikir Tahlil Lisani*** dan sambil memerhatikan syarat-syaratnya, akan membawa Salik pengurniaan untuk peningkatan. Dan Hudhur, sifat mengawasi, 'Uruj, Nuzul, jazbah-jazbah seperti yang telah berlaku pada Maqam Qalb juga akan terhasil pada Maqam Nafs ini. Cahaya-cahaya Nisbat akan mula meliputi ke seluruh badan, bahkan Jazbah dan Cinta Mahabbat akan mula sedikit demi sedikit sampai ke seluruh badan.

Nisbat pada maqam ini, dengan keadaan Kaifiyat Nisbat yang terhasil padanya, maka Nisbat Maqam Qalb menjadi rasa tawar dan tidak lagi merasa kenikmatan padanya. Akan tetapi, apabila Nisbat ini menjadi semakin kuat, hal keadaan yang telah berlaku sebelum ini akan mula lenyap. Mawrid Faidhz pada Maqam ini dengan secara keutamaannya adalah pada Latifah Nafs. Maqam ini dinamakan sebagai Wilayat Kubra yang merupakan Maqam Wilayat sekalian Para Anbiya 'Alaihimussalam.

Wilayat yang tinggi ini mengandungi 3 Daerah dan 1 Qaus. Pada separuh bahagian yang pertama Daerah Pertama ini mengandungi ***Asma dan Sifat Zaidah*** iaitu sifat-sifat tambahan bagi Allah Ta'ala ﷻ dan pada separuh bahagian atas pada daerah pertama mengandungi ***Shuyunat dan I'tibarat Zatiyyah*** yakni hal yang berkenaan dengan Zat dan segala iktibar-iktibar yang berkaitan dengan Zat. Pada Daerah Kedua mengandungi asal bagi Daerah Pertama dan Daerah Ketiga merupakan asal bagi Daerah Kedua dan Qaus merupakan asal bagi semua asal-usul tersebut. Ketiga-tiga lingkaran asal-usul ini terdapat beberapa iktibar-iktibar di sisi Hadhrat Zat Ta'ala ﷻ yang merupakan permulaan bagi ***Sifat dan Shuyunat.***

Syair:

Pada wajah kekasih terdapat hijab yang menutupi wajah;

Dan di sebalik hijab itu ada lagi hijab sesudahnya;

Hijab mana pun yang dikau tempuh untuk menatap wajah;

Masih terdapat lagi hijab-hijab ada di hadapannya.

Bagi seorang Wali sesudah terhasilnya ***Fana Haqiqi, Hakikat Islam, Syarah Sadr, Maqam Dawam, Syukur*** dan ***Ridha,*** maka terangkatlah segala persoalan tentang hukum Qadha dan Qadar. Dan dalam menerima segalan bebanan ***Syar'iyyah***, dia tidak lagi berhajat kepada sebarang dalil, dan penentuan dalil menjadi Badihi yakni bersifat tidak memerlukan dalil. Dengan terhasilnya ***Maqam Jazbah,*** Salik akan mencapai ketenteraman dan mencapai kekuatan yakin terhadap janji-janji Allah ﷻ dan Salik merasa binasa diri ***Istihlak*** dan merasa terlebur diri ***Idhzmihlal*** seumpama ais yang menjadi cair dalam sinaran matahari dengan terangkatnya ***Tauhid Sifati*** dan terangkatnya **"Aku".**

Salik akan mendapati bahawa, segala yang Wujud dan yang menuruti Wujud, segala-galanya dinisbatkan kepada Allah Ta'ala ﷻ dan ke atas dirinya sukar untuk melafazkan secara multak lafaz **"Aku."** Salik akan sentiasa memelihara niat-niatnya dari perkara yang tercela dan sentiasa dalam keadaan tersebut tanpa sebarang ingatan yang buruk dan melihat kekurangan dan keburukan diri. Pada Maqam yang tinggi ini, akhlaq-akhlaq yang buruk seperti gelojoh, bakhil, hasad, dengki, khianat, takabbur, cinta kemegahan, 'ujub dan lain-lain akan meninggalkan dirinya. Dan kegiatan mendisiplinkan akhlaq yang merupakan apa yang terhasil menerusi 'Ilmu Tasawwuf akan dikurniakan kepadanya.

Syair:

Kekasih itu siapakah yang dikehendakinya?

Dan cinta kasihnya dengan siapa diberikannya?

DAERAH KEDUA WILAYAT KUBRA

Dalam Daerah Kedua Wilayat Kubra, terdapat suatu sangkaan tentang kegiatan pengawasan dan penumpuan Tawajjuh, tetapi sekarang kesedarannya sudah tiada kerana yang melakukan pengawasan Tawajjuh adalah Nafs. Jika Nafs sudah pun menjadi Fana, jadi siapakah yang sedang mengawasi?

Pada Maqam ini, Nafs akan menjadi ***Mutmainnah*** dan dia akan menduduki takhta penguasaan yang bermaksud bahawa Salik layak untuk diberikan tanggungjawab penguasaan. Pada Maqam ini, kesedaran tentang Jazbah dan Cinta Mahabbat akan datang padanya.

Pada Maqam ini dilakukan Muraqabah terhadap Zat Al-Bari ﷻ dengan keadaan kecintaan bahawa Dia sedang mengasihi mereka dan mereka mengasihiNya sehingga Salik sampai ke Maqam Wilayat 'Ulya.

Ibarat bagi Maqam-maqam pendekatan Qurb yang menghasilkan kesucianNya dan tidak bertempatNya dan pada Alam Mitsal, ianya dapat disaksikan dalam daerah-daerah yang sesuai. Akan tetapi, di mana Allah ﷻ berada, maka di sana daerah tersebut hilang entah di mana?

Maqam-maqam pendekatan yang diibaratkan bagi menghasilkan martabat yang tidak bertempat dan kesucian dan pada Alam Mitsal, ianya dapat disaksikan dalam daerah-daerah yang sesuai.

BAB 4: DAERAH WILAYAT 'ULYA

MURAQABAH DAERAH ISIM AZ-ZAHIR DAN ISIM AL-BATIN

Sesudah menempuh seluruh Maqamat pada Wilayat Kubra dan sesudah melakukan persiaran Sayr pada nama ***"Huwa Az-Zahir",*** maka Sayr dan Suluk adalah pada Wilayat 'Ulya yang merupakan Wilayat Para Malaikat Tertinggi 'Alaihimussalam. Pada Wilayat ini, urusan muamalah Talib adalah pada tiga anasir iaitu Api, Air dan Angin dengan mengecualikan unsur Tanah. Pada Maqam ini, dilakukan Muraqabah nama Zat Ilahi ***"Huwa Al-Batin".***

Kini, ***Zikir Tahlil Lisani*** dan amalan-amalan ***Nawafil*** akan memberikan pengurniaan peningkatan pada Talib. ***Tawajjuh, Hudhur, 'Uruj*** dan ***Nuzul*** akan berlaku pada ketiga-tiga anasir dan kadang-kadang akan merasakan seolah-olah sebuah mata sedang memerhatikannya. Inilah kaifiyat yang berlaku kepada para Talib permulaan yang terhasil sewaktu mereka melakukan ***"Sultan Al-Azkar"*** dan kesucian akan mulai sampai ke badannya. Dan kesucian pada tubuh badan adalah suatu perkara yang lain dan penyucian pada anasir-anasir adalah suatu perkara yang lain.

Pada Maqam ini, dalam Kaifiyat dan Ahwalnya akan terhasillah padanya tentang rahsia penyucian yang halus-halus. Pada Batinnya menjadi semakin lapang dan ajaib. Kesucian dengan sifat Para Malaikat akan mulai berlaku dan mungkin juga berlaku bahawa pada maqam ini, malaikat akan terzahir pada Talib dan rahsia-rahsia yang sepatutnya tersembunyi akan mula datang kesedaran tentangnya pada diri Talib. Maka beruntunglah bagi orang-orang yang memperolehi nikmat-nikmat tersebut.

Sesudah melakukan Sayr pada ***Isim Huwa Az-Zahir*** dan ***Isim Huwa Al-Batin,*** maka Talib memiliki dua sayap untuk bersiar menuju maksud yang merupakan ***Zat Bahat*** Allah ﷻ yakni Zat Yang Maha Jati Tulin Sejati semata-mata. Jika terhitung hal seseorang itu dengan kurniaan kelebihan dari Ilahi ﷻ, sesudah menyempurnakan urusan muamalah pada Wilayat 'Ulya, maka persiaran Sayr ***Kamalat Nubuwwat*** akan berlaku seterusnya.

BAB 5: DAERAH TIGA KAMALAT

MURAQABAH KAMALAT NUBUWWAT

Dalam Muraqabah Kamalat Nubuwwat, berlaku ***Sayr Tajalli Zati Daimi Tanpa Hijab Sifat dan Asma***. Pada Maqam Shan yang tinggi ini, yang mana dengan menempuh satu titik dari tempat ini sahaja adalah lebih baik dari menempuh seluruh Maqamat Wilayat. Kehadiran Hudhur berlaku tanpa arah dan pemerhatian serta Tawajjuh yang terdahulu telah semakin meningkat. Keinginan, kesungguhan dan keseronokan yang tidak terhingga mulai berkurangan. Keyakinan yang sempurna mula terhasil. Hal keadaan maqam ini dan Ma'rifat tidak terhenti setakat ini.

Ayat Al- Quran:

لَّا تُدۡرِكُهُ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَهُوَ يُدۡرِكُ ٱلۡأَبۡصَٰرَۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ

"Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan, dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui." **[6:103]**

Walaubagaimanapun, atas kebenaran Ahwal Salik ianya dapat disaksikan.

Syair:

Dengan ketinggian NurNya;

Bagaimanakah untuk kami sampai KehadhratNya?

Dengan ketinggian ZatNya;

Segala doa hanya dapat sampai ke kening sahaja.

Pada Maqam ini, tanda-tanda seseorang telah berada di dalamnya ialah apabila seseorang itu sampai kepada rasa tidak tahu dan tidak faham, tidak berkeupayaan dan jahil tentang nisbat dan terhasilnya ***Wusul 'Uryani.*** Pada Maqam ini, yang berlaku adalah ***Wusul*** dan bukannya ***Husul.***

Catitan: Yang berlaku adalah rasa sampai kepada Allah Ta'ala dalam kesedaran Ma'rifatnya dan tiada apa-apa penghasilan.

Syair:

Ikatan perhubungan yang tanpa Kaifiyat dan tanpa Qiyas,

Adalah ikatan perhubungan Rabb An-Nas dengan Ruh An-Nas.

Maksud dalam syair ini adalah ikatan perhubungan diantara Tuhan dengan hambanya adalah tanpa sebarang Kaifiyat dan tanpa sebarang Qiyas. Pada diri Talib, ketika waktu penyucian, akan terhasilah padanya hakikat ketenteraman jiwa dan segala Ahkam Ilahi yang telah diturunkan kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan dituruti dengan sempurna dan keluasan Nisbat Batin dengan Tanpa Kaifiyat juga akan turut terhasil.

Pada Maqam ini, ma'rifat-ma'rifat dan hakikat-hakikat adalah dalam rupa bentuk Syari'at dan ianya adalah mencukupi kerana ini adalah Maqamat Para Anbiya 'Alaihimussolatu Wassalam dan Para Tabi'in yang telah menghasilkannya menerusi jalan menuruti dan mewarisi mereka ini.

Tauhid Wujudi dan Tauhid Syuhudi yang merupakan perkara-perkara ma'rifat dalam Martabat Wilayat akan ditinggalkan di tengah jalan. Akan tetapi, pada Latifah Tanah, dengan perhubungannya dengan sumber Faidhz dan Tiga Lataif lain iaitu Air, Api dan Angin dengan secara menuruti Latifah Tanah juga akan mulai menjadi mudah untuk menghasilkan Jazbah dan berlakunya 'Uruj dan Nuzul. Pada Maqam ini, ***Mawrid Faidhz*** diperhubungkan dengan Latifah Tanah dan secara menurutinya akan berlaku pada seluruh badan.

KAMALAT RISALAT, KAMALAT ULUL AZMI DAN TUJUH HAQIQAT

Pada maqam ini, dilakukan Muraqabah terhadap ***Zat Bahat*** yakni ***Zat Sejati Yang Maha Tulin Maha Jati*** ﷻ semata-mata yang mana ianya adalah lebih tinggi daripada segala iktibar-iktibar dan penyataan hal keadaannya.

Pada Maqam ini, dengan melakukan Tilawah Al-Quran Majid dan bersolat dengan Qiyam yang panjang akan menghasilkan peningkatan pada Daerah Kamalat Tsalatsah dan pada Tujuh Haqaiq dan segala Maqam yang akan datang kemudiannya. Di sini, kehalusan tanpa warna akan mulai datang yang mana ianya merupakan Maqamat bagi darjat yang tinggi dan merupakan ombak lautan yang tidak bertepi bagi Zat Bahat Ilahi Jalla Jallaluh ﷻ.

Pada Muraqabah Daerah Kamalat Risalat dan Kamalat Ulul 'Azmi dan Tujuh Haqaiq dan pada Maqamat yang sesudahnya, ***Mawrid Faidhz*, *'Uruj, Nuzul*** dan tarikan ***Jazbah*** berlaku pada seluruh badan. Ianya disebut sebagai ***Hai'at Wahdani*** bagi Salik yang merupakan Sepuluh Lataif yang terhasil sesudah penyempurnaan dan penyuciannya.

Syair:

Kegiatan amal pekerjaan ini adalah suatu jenis Daulat,

Kini siapakah yang sanggup untuk sampai ke tahap ini?

BAB 6: DAERAH TUJUH HAQAIQ
MURAQABAH HAQIQAT KA'ABAH, HAQIQAT QURAN DAN HAQIQAT SOLAT

Haqiqat Ka'abah adalah penzahiran bagi ***'Azmat*** keagungan dan ***Kibriya*** kebesaran Zatiyyah Ilahi ﷻ pada setiap masa. Haqiqat Al-Quran adalah suatu keluasan bagi Zat Al-Bari Ta'ala ﷻ Yang Maha Menjadikan yang merupakan permulaan bagi keluasaan Zat Ilahi ﷻ yang tidak bertempat. Haqiqat Solat adalah suatu ibarat tentang keluasan Zat Al-Bari Ta'ala ﷻ yang tiada bertempat pada suatu darjat yang sempurna.

MURAQABAH MA'BUDIYYAT SIRFAH

Daripada perkataan Hadhrat Mujaddid رضي الله عنه, kita memperolehi suatu faedah bahawa ***Maqam Ma'budiyyat Sirfah*** yang diperlihatkan sesudah Hakikat Solat adalah hanya Zat Allah Ta'ala ﷻ yang tidak bertempat. Dengan penerimaan dari Tuhan, dia akan sampai ke gerbang pintu ini dan akan masuk ke dalam ***Daerah Qaiyyumiyyat*** dan akan mendapat penghasilan yang besar dari Hadhrat Zat dan akan terhasil padanya Maqam 'Abdiyyat yakni Sifat-sifat sebagai hamba yang sempurna. Pada penghujung bagi Maqamat Haqiqat ini, Sayr Qadami dan Suluk menjadi lengkap. Sesudah itu, dilakukan ***Muraqabah Ma'budiyyat Sirfah*** dan cukuplah pada tempat ini, ***Sayr Qadami*** dihentikan dan membolehkan kegiatan ***Sayr Nazari.***

MURAQABAH HAQIQAT IBRAHIMI

Maqam Khullat adalah ***Maqam Hadhrat Nabi Ibrahimi*** عليه السلام ***'Alaihissalam.*** Maqam tersebut sangatlah agung dan sangat banyak keberkatannya. Para Anbiya 'Alaihimus Solatu Wassalam yang mulia telah menuruti Hadhrat Baginda Ibrahim عليه السلام 'Alaihissalam pada Maqam ini. Hadhrat Baginda Nabi Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam Habib Ar-Rahman juga telah bertindak sesuai dengan perintah tersebut. FirmanNya di dalam Al-Quran:

قُلْ صَدَقَ ٱللَّهُ ۗ فَٱتَّبِعُوا۟ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ۝

Katakanlah: "Benarlah apa yang difirmankan Allah", maka ikutilah Millah Agama Ibrahim yang lurus dan bukanlah dia termasuk orang-orang yang Musyrik. **[3:95]**

Kerana itulah pada Selawat dan bagi menuntut keberkatan, Hadhrat Baginda Nabi Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah menyerupakan sebagaimana

Selawat ke atas Hadhrat Baginda Nabi Ibrahim ﷷ dalam Selawat ke atas Hadhrat Baginda Nabi Muhammad ﷺ sepertimana yang dibacakan di dalam Solat. Pada Maqam yang tinggi ini hendaklah difahami akan kebaikan dan keberkatannya.

MURAQABAH HAQIQAT MUSAWI

Tempat markaz bagi Maqam ini adalah ***Muhibbiyat Zatiyyah Sirfah*** iaitu Haqiqat Musawi ﷷ 'Alaihissalam. Banyak di kalangan Para Anbiya sampai ke Maqam ini dengan menuruti Hadhrat Baginda Musa ﷷ 'Alaihissalam dan mereka telah mencapai pencapaian yang tinggi ini dalam pendekatan ***Qurb*** dan ***Ma'iyyat*** kebesertaan Hadhrat Ilahi.

MURAQABAH HAQIQAT MUHAMMADI

Markaz tempat bagi Maqam ini dalam pemerhatian Kashaf yang dalam ianya akan kelihatan sebagai suatu daerah yang sangat agung. Daerah ini markaz bagi ***Daerah Muhibbiyyat dan Mahbubiyyat Mumtazijah*** adalah Haqiqat Muhammadi ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Seolah-olah dua huruf ***"Mim"*** yang terdapat pada nama yang diberkati iaitu ***Muhammad*** ﷺ adalah mengisyaratkan kepada ciri ***Muhibbiyyat*** dan ***Mahbubiyyat*** ini. Dan juga pada markaz ini, jika diperhatikan dengan lebih teliti, ianya akan kelihatan seperti suatu daerah yang sangat tinggi keagungannya.

MURAQABAH HAQIQAT AHMADI

Markaz bagi ***Mahbubiyat Sirfah Zatiyah*** adalah Haqiqat Ahmadi ﷺ. Pada nama yang suci ini iaitu ***Ahmad*** ﷺ***,*** rahsianya akan tersingkap pada Maqam ini. Ketahuilah bahawa ***'Azmat*** keagungan dan ***Kibriya*** kebesaran dan keluasan dan kecintaan Mahabbat ini serta peningkatan darjatnya adalah terhasil apabila Nafs berada dalam kehadiran Hadhrat Zat yang mana penghasilan martabat ini adalah terhasil sesudah berlakunya ***Tajalli Zati Daimi*** yang berlaku pada peringkat Kamalat Nubuwwat. Ianya akan mulai datang satu persatu. Dengan keagungan dan keluasan dan dengan membenarkan ciri-ciri ***Muhib*** dan ***Mahbub*** tidak disabitkan ke atas segala sesuatu yang lain.

Hanya terhadap Zat Hadhrat Haqq Ta'ala ﷻ segala wajah-wajah keadaan dan segala iktibar-iktibar hanya dihadapkan kepada Allah Ta'ala ﷻ sahaja. Dan segala kecintaan Mahabbat yang terhasil selepas persiaran Sayr pada bayangan Asma dan Sifat iaitu dalam Wilayat Sughra, kecintaan yang berlaku adalah Zauq dan Shauq pada Qalbi. Kecintaan Mahabbat yang berlaku pada Maqamat ini iaitu pada Haqiqat Ahmadi ﷺ hanya diperolehi dengan kurniaan Ilahi.

Ketenteraman yang sempurna dengan keluasan serta tanpa warna akan berlaku pada batinnya dan kehendak untuk taat dan menyedari tentang kurniaan nikmat dari

Yang Dikasihi mula menjadi wajib pada dirinya. Walau bagaimanapun, sampainya seseorang Salik pada Maqamat ini adalah dengan penyaksian serta Wijdan Hadhrat Para Masyaikh رحمهم الله yang akan membenarkan pengertian maknanya. Secara sempurnanya penghasilan makna juga dapat terhasil pada Maqamat-maqamat yang sebelumnya. Pada Maqam ini, yang membezakannya adalah kekhususannya bahkan yang sebenarnya adalah bahawa bagi setiap maqam terdapat kesan-kesannya yang khas yang secara mutlaknya tidak terhasil pada Maqam yang lain. Semua Maqam yang diterangkan pada maqam ini dengan penuntutan dalilnya dapat menghasilkan maqam ini. Ianya janganlah ditinggalkan. Jikalau Salik berada dalam ***Sifat Zatiyyah*** dan dia berada dalam Daerah Pertama Wilayat Kubra iaitu Daerah Asma dan Sifat setelah menempuhnya dia hendaklah kembali Nuzul dan lazim baginya untuk kembali lagi ke Wilayat Kubra. Secara ringkasnya, ***Haqiqat Muhammadi*** ﷺ dan ***Haqiqat Ahmadi*** ﷺ adalah yang paling dekat sekali dengan Hadhrat Zat Allah Ta'ala ﷻ dan kerana itulah ianya digelar sebagai ***"Rais Mahbuban"*** yakni Penghulu bagi Zat Hakikat Yang Dikasihi dan dengan menuruti Hadhrat Baginda Nabi ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam, seseorang itu akan menjadi ***"Khairul Imam"*** yakni sebaik-baik Imam yang memimpin.

Doa:

"Ya Allah, kurniakanlah kepada kami rezeki untuk mencintaiMu dan mencintai NabiMu dan menuruti dan mendapat Syafa'atnya dan mendapat keredhaanMu dan keredhaan NabiMu yang dikasihi."

MURAQABAH HUBBU SIRFAH DAN LA TA'AYYUN

Sesudah itu, hendaklah melakukan ***Muraqabah Hubbu Sirfah*** dan ***La Ta'ayyun.*** Bahawa di sini, persiaran ***Sayr Qadami*** tidak dibenarkan dan hanya ***Sayr Nazari*** yang dibenarkan. Ketahuilah bahawa di sisi Hadhrat Mujaddid Alf Tsani رحمه الله, ***Ta'ayun Awwal*** adalah ***Ta'ayyun Hubbi.*** Markaz bagi ***Ta'ayyun Hubbi*** ini dengan diiktibarkan kepada ***Mahbubiyat Zatiyyah*** adalah ***Haqiqat Ahmadi*** ﷺ dan ini merupakan ***Ta'ayyun Ruhi Mulki.*** Dan dengan diiktibarkan kepada ***Mahbubiyyat*** dan ***Muhibbiyyat Mumtazijain*** adalah ***Haqiqat Muhammadi*** ﷺ. Pada diri Hadhrat Baginda Nabi Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah ***Ta'ayyun Jasadi Bashari*** dan dengan diiktibarkan kepada ***Muhibbiyyat Sirfah*** adalah ***Haqiqat Musawi*** عليه السلام dan Ta'ayyun Nabi Musa عليه السلام 'Alaihissalam. Markaz ini meliputi bagaikan sebuah daerah dan pada gambaran misalnya adalah ***Khullat.*** Dan ***Khullat*** ini adalah ***Haqiqat Ibrahimi*** عليه السلام 'Alaihissalam. ***Ta'ayyun Tsani*** iaitu ketentuan kedua adalah ***Ta'ayyun Wujudi*** dan ianya seperti bayangan ***Zill*** kepada ***Ta'ayyun Awwal***. Ini merupakan Ta'ayun Nabi Ibrahim عليه السلام 'Alaihissalam, dan dari bahagian ***Ta'ayyun Wujudi*** ini terdapat suatu bahagian permulaan Ta'ayyun bagi setiap Para Nabi dan Rasul 'Alaihimussalam. Dan dari kalangan Ummat ini jika sesiapa yang bernasib baik memperolehi ***Ta'ayyun Wujudi*** ini atau sebahagian dari Ta'ayyun ini atau setitik darinya dan menjadi permulaan

Ta'ayyun pada seseorang, maka ianya diperbolehkan bahkan ianya memang ada berlaku. Permulaan Ta'ayyunat bagi Para Malaikat 'Alaihimussalam juga berada dalam ***Ta'ayyun Wujudi*** ini.

Haqiqat Amir Al-Mukminin Hadhrat Abu Bakar Siddiq Radhiyallahu 'Anhu yang permulaan Ta'aayunnya tanpa sebarang perantaraan adalah sebagai bayangan kepada ***Haqiqat Muhammadi*** **.** Apa sahaja yang terkandung dalam ***Haqiqat Muhammadi*** itu, ianya juga tsabit pada bayangan tersebut atas jalan mengikut serta menuruti Sunnah dan secara pewarisan 'Ilmu. Pada Maqam inilah Hadhrat Abu Bakar Siddiq Radhiyallahu 'Anhu telah berhasil mencapai ***Dhzimniyyat Kubra*** yang merupakan suatu jaminan dari Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam menerusi kesempurnaan kecintaan ***Mahabbat*** dan kebesertaan ***Ma'iyyat,*** beliau telah menempuh persiaran Sayr Maqamat menuju pendekatan Qurb Kehadhrat Ilahi. Kerana itulah ada dinyatakan dalam mafhum Hadits bahawa:

"Tidak ada sesuatu pun yang dicurahkan dalam dadaku kecuali turut dicurahkan ke dalam dada Abu Bakar."

Martabat yang tinggi inilah yang ada pada Hadhrat Syaikh Ash-Shuyukh Khwajah Muhammad 'Abid Rahmatullah 'Alaih yang mana telah terhasil padanya menerusi pengikutan yang sempurna dan secara perwarisan 'Ilmu. Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid telah menjadikan Syaikh kami, Hadhrat Mirza Mazhar Jan Janan Rahmatullah 'Alaih sebagai berada dalam jaminan ***Dhzimniyyat*** beliau.

Adapun pada suatu hari Hadhrat Syeikh Muhammad 'Abid Rahmatullah 'Alaih berkata bahawa,

"Pada malam ini Allah Ta'ala telah mengurniakan daku dengan suatu Nisbat baru yang masih segar."

Lalu Hadhrat Mirza Mazhar Jan Janan Rahmatullah 'Alaih bertanya:

"Bilakah masa tuan mendapat nikmat ini?"

Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid Rahmatullah 'Alaih berkata,

"Dikau berada dalam jaminanku dan dikau juga mendapat daulat tersebut."

Subhanallah! Allah Ta'ala telah mengkabulkannya. Di dalam Martabat Haqiqat-haqiqat Anbiya, dengan kebenaran Kashaf dan kesedaran serta kefahaman tentang Ahwal dan Maqamatnya, dengan memperbanyakkan Selawat ke atas Ruh Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Ahli-ahlinya yang mana dengan perhubungan Haqq yang sudah terhasil akan memberikan peningkatan Ruhaniah.

Selawat:

Ataupun sebagai menggantikan Selawat tersebut hendaklah dibaca Selawat yang biasanya dibaca dalam ***Tasyahhud.*** Hendaklah membaca sebanyak 3000 kali. Di dalam Maqamat ini, cahaya-cahaya Nisbat penzahiran Ruh-ruh Suci Para Akabirin akan berlaku dan di dalam keimanannya, kekuatan iman akan bertambah.

KESAN-KESAN YANG BERBEZA PADA SETIAP MAQAMAT

Ketahuilah bahawa Tiga Wilayat, Tiga Kamalat dan Tujuh Haqaiq dan Maqamat-maqamat lain yang mana untuk memuatkan seluruh lautan tersebut dalam risalah ini adalah sukar. Seluruh pengikut yang bertawassul dengan Khandan Silsilah ini pun bukan semuanya telah berhasil menempuhnya. Sebahagian besarnya hanya sampai setakat Wilayat Qalbi bahkan hanya sampai hingga ke Daerah Imkan. Sebahagiannya dapat sampai ke Wilayat Sughra dan sebahagiannya dapat sampai ke Wilayat Kubra dan ada sebahagian yang dapat sampai ke Wilayat 'Ulya. Sedikit sahaja yang berjaya menempuh Tiga Kamalat dan sangat jarang orang yang dapat berjaya menempuh Tujuh Haqaiq dan apa yang sesudahnya.

Kerana itulah pada seluruh pengikut Khandan Silsilah ini, hal-ehwal keadaan mereka dan kesan-kesan yang mereka alami adalah berbeza-beza, bahawa setiap Maqam terdapat Ahwal dan pengetahuan Ma'rifat yang berlainan sebagaimana yang telah kami nyatakan sebelum ini.

Secara keseluruhannya pada ***Martabat Wilayat***, khasnya ***Wilayat Qalbiyyah*** dalam ***Daerah Ma'iyyat Wilayat Sughra*** akan terzahirlah ahwal ***Zauq*** dan ***Shauq*** dan hal keadaan kehangatan Zikrullah dalam diri Salik. Manakala pada ***Martabat Kamalat Nubuwwat*** dan ***Tujuh Haqaiq*** akan terhasillah kesucian dalam ***Jam'iyyat*** dan kehalusan Latifah akan menjadi hilang tanpa warna dan bahawa pada Martabat ini akan terzahirlah ***Tajalliyat Zatiyyah*** yang menyingkapkan tabir ***Hijab Asma dan Sifat*** yang ianya tidak tersembunyi di kalangan mereka yang ahli dalam bidang ini.

Seluruh Maqamat dan Ma'rifat Suluk Naqshbandiyyah secara huraiannya ada terdapat di dalam Maktubat Imam Rabbani Hadhrat Mujaddid Alf Tsani رضي الله عنه. Secara perlakuan kebiasaan yang diamalkan pada membicarakan tentang Tiga Kamalat dan Tujuh Haqaiq ini tidak lebih dari hanya sebagai adat resam sahaja. Di manakah keupayaan dan kesanggupan dan siapakah yang sanggup dan berkelayakan untuk menempuh Maqamat yang tinggi ini?

Syair:

Adalah salah untuk menggelarkan,

Seseorang sebagai Qalandar,

Dan seseorang sebagai Sikandar,

Hanya dengan penzahiran zahir mereka sahaja.

Catitan: Qalandar adalah seorang Sufi yang besar dan Sikandar adalah seorang raja yang terkenal.

Yang diamalkan dalam Khandan Silsilah ini adalah dalam memberikan khabar tentang sesuatu ahwal Salik. Tanpa mentahqiqkan kesan-kesan dan tanda-tanda alamat pada luaran dan dalaman batin Salik, maka ianya tidak boleh diiktibarkan dan tidak boleh diterima.

***Syair*:**

Akan tetapi hal keadaan seekor tikus,

Dalam mimpinya dia telah menjadi seekor unta.

PENGETAHUAN TALIB TENTANG KAIFIYAT-KAIFIYAT

Adapun adalah masyhur dalam Tasawwuf bahawa seorang Talib tidak perlu mengetahui tentang Kaifiyat-kaifiyat ini. Jika mengetahui sekalipun yang dimaksudkan dengan ilmu pengetahuan tersebut adalah penjelasan terperinci bagi ahwal atau penyingkapan ahwal dan jikalau pada batin Talib berlaku ahwal yang berlainan dan dia tidak merasakan sebarang perubahan, maka adalah tetap senantiasa bagi Talib tersebut perlu untuk menghindarikan sebarang Khatrah dan ***Dawam Nigrani*** dan menfanakan Hawa dirinya dan menfanakan Iradah keinginannya dan memfanakan ***"Ana"*** keakuannya.

Hadhrat Mirza Mazhar Jan Janan Rahmatullah 'Alaih ketika beliau hampir wafat telah berkata bahawa,

"Seluruh Maqamat Mujaddidiyah dengan kesempurnaan Suluknya akan hampir-hampir terputus."

Beliau berkata lagi bahawa,

"Di atas seluruh muka bumi ini tiada seorang pun pada pandanganku yang dikurniakan kekuatan untuk menempuh seluruh Maqamat Suluk ini."

Ianya telah diterangkan oleh Hadhrat Khwajah Muhammad Ihsan Rahmatullah 'Alaih didalam kitabnya ***Raudhah Al-Qaiyyumiyyah*** pada Manaqib Hadharat Mujaddidiyyah yang telah dinukilkan pengertian makna ini. Maka, Jazbah-jazbah Wilayat, kaifiat-kaifiat, Kamalat Nubuwwat dan Maqamat-maqamat yang lain yang luas dan tanpa warna, penghasilan Maqamat-maqamat tersebut adalah cukup sebagai saksi. Apakah yang berlaku dengan sangkaan dan khayalan semata-mata?

Perkhabaran yang baik tanpa beserta Haqiqat kebenaran akan membawa kepada kesesatan dan meletakkan tiada faedah. Akan tetapi dengan menuruti Sunnah pada Zahirnya dan pada Batinnya sentiasa ***Dawam Hudhur*** serta Tawajjuh ke Hadhrat Ilahi akan memberikan faedah penghasilan cahaya Nur.

BAB 7: SIFAT-SIFAT DARWISHI

CIRI-CIRI DAN SIFAT DARWISH

Apakah sifat-sifat dan ciri-ciri seorang Darwish? Ia adalah menjalani kehidupan atas suatu hal dan hanya memandang ke satu arah.

Syair:

Dikau telah melibatkan dirimu dengan keinginanmu dan kehendakmu,

Kamu menyembahNya dengan tanganmu,

Alangkah baiknya jikalau kamu bertemu dengan jalan Wusul,

Ia adalah seperti Hadhrat Mirza Mazhar Jan Janan,

Dengan melepaskan dan membebaskan dirinya dari segala sesuatu.

TAUHID WUJUDI

Salik yang telah mencapai Fana dan merasakan ahwal ***Tauhid Wujudi*** pada Qalb dan merasa diliputi oleh Allah Ta'ala ﷻ dari segenap arah yang mana untuk menguruskan waktunya, dengan memperbanyakkan Zikir dan melakukan Wazifah 'Ubudiyyah, Salik akan mendapat kemuliaan Tarbiyah dari Hadhrat Masyaikh Kiram رضي الله عنهم dan dikurniakan jazbah dan kemabukan Ruhaniah ***Sukr*** dan kemabukan ***Masti*** dan ***Ghalbah Mahabbat*** ketenggelaman dalam cinta dan ***Tajalli Barqi*** iaitu Maqam penzahiran sepantas kilat.

Akan tetapi, Tauhid yang terhasil menerusi Muraqabah adalah ***Tauhid Wujudi*** dan akan berlakulah khayalan tentang ***Hammah Ust*** dan hanya Dia sahaja sebagai Maujud. Kesemuanya ini tidak lebih daripada perasaan ***Ghalbah*** ketenggelaman perasaan semata-mata dan ianya tidak boleh diambil apa-apa iktibar.

TAUHID SYUHUDI

Ilmu pengetahuan mengenai Tauhid Syuhudi adalah bagi mereka yang ahli dalam menfanakan Nafs yang mana akan terhasil pada mereka setelah berhasilnya Fana Qalb. Mereka mendapati bahawa di dalam ketenggelaman mereka dalam cahaya-cahaya Haqq, dia mendapati terdapat keakuan ***"Ana"*** dan segala yang menuruti Wujud dan menafikan kebinasaannya. Pada Muraqabah Kamalat Nubuwwat dan Maqamat-maqamat Mujaddidiyah yang lain, diri Talib itu sendiri menjadi ***Mawrid*** limpahan ***Faidhz Tajalli Zati.***

Kemabukan Ruhani iaitu ***Sukr*** sudah hilang dan kini keadaan waras iaitu ***Sahuw*** pula datang kepada dirinya. Sekarang dia berkesedaran. Maka hendaklah memberikan penumpuan terhadap ilmu pengetahuan ***Syar'iyyah*** dengan haqiqat-haqiqat dan ma'rifat-ma'rifatnya. Cukuplah itu sahaja.

Bagi Para Salikin yang berada pada Maqam Tauhid Wujudi, mereka telah mensabitkan ***Nisbat Ittihad*** dan ***A'iniyyat*** pada Allah Ta'ala dan seluruh dunia ini. Bagaimanapun bagi Ahli Tauhid Syuhudi, mereka menetapkan bahawa pada seluruh ciptaan Allah Ta'ala ﷻ terdapat ***Nisbat Zilliyat*** dengan Allah Ta'ala ﷻ.

Bagi mereka yang telah menempuh kedua-dua Maqamat ini iaitu ***Tauhid Wujudi*** dan ***Tauhid Syuhudi,*** dan telah berhasil mencapai kesempurnaan Kamalat Nubuwwat menerusi ikutan Sunnah dan jalan perwarisan 'Ilmu terhadap Anbiya 'Alaihimussalam yang mulia, mereka mampu untuk sampai kepada maksud yang penghujung dan untuk menghasilkan nisbat-nisbat adalah tidak sukar bagi mereka.

Akan tetapi bagi nisbat-nisbat yang berkaitan dengan makhluk dan berkaitan dengan urusan pekerjaan, ma'rifat yang terhasil adalah secara Zauqi dan Wijdani dan bukannya secara ***Taqlidi.*** Akan tetapi, penghasilan segala jenis ilmu pengetahuan ini bukanlah mudah bagi semua Salik.

Apalah yang ada pada tanah ini, jika dibandingkan dengan Tuhan Semesta Alam Yang Maha Pencipta ﷻ. Yang demikian itu adalah atas kurniaan Allah ﷻ semata-mata yang dikurniakanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah ﷻ adalah Maha Pemberi Kurnia yang Maha Agung. Pada 'Ainnya, adalah mungkin bahawa seseorang Salik berjaya menempuh sehingga Tiga Wilayat dan Kamalat Nubuwwat. Akan tetapi, pada diri mereka, tidak terzahir sebarang ilmu pengetahuan tentang perkara tersebut.

BAB 8: HASIL SAYR DAN SULUK

Hasil ***Sayr*** dan ***Suluk*** adalah terhasilnya Fana, Dawam Hudhur, pemurniaan akhlak dan ikhlas sehingga dapat mencapai kesempurnaan, terangkatnya kesukaran dalam menunaikan Ahkam Syari'ah dan akan mengalami perubahan hal keadaan Ruhaniah meskipun tanpa tersingkapnya rahsia-rahsia Tauhid. Dalam melakukan Sayr dan Suluk, Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Radhiyallahu 'Anhu ﵁ telah berikhtiar memilih ***Nisbat Naqshbandiyyah*** kerana Nisbat ini merupakan Nisbat yang paling hampir dengan cahaya ***Nur Syari'at*** dan sangat mudah.

NISBAT AHRARIYYAH

Hadhrat Maulana Khwajah 'Ubaidullah Ahrar Radhiyallahu 'Anhu ﵁ telah berhasil memperolehi ***Nisbat Ahrariyyah*** melalui ayah dan datuknya. Rahsia-rahsia yang terbit daripada ***Nisbat Ahrariyyah*** adalah tentang ***Tauhid Wujudi,*** namun beliau telah meninggalkannya kerana di dalam ***Tauhid Wujudi*** ini ramai Para Salikin yang telah tergelincir dalam perjalanan mereka. Pada zaman ini kebanyakan Para Salikin tidak dapat mencapai kemajuan yang sebenar dalam Tasawwuf dalam pencapaian ***Zauq*** dan ***Wijdan.*** Keadaan ini berlaku kerana beberapa perkara yang di antaranya adalah seperti berikut:

1. Jauhnya zaman kita sekarang dengan zaman Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam.
2. Dekatnya zaman kita sekarang menghampiri Qiyamat hari demi hari.
3. Kekurangan persediaan dan keupayaan.

Ketahuilah bahawa segala Ma'rifat–ma'rifat yang telah dinyatakan oleh Para Masyaikh ﵃ dalam urusan agama ini semuanya adalah Haqq. Sebab berlakunya Ikhtilaf perselisihan pendapat dalam menjelaskan berkenaan Ma'rifat-ma'rifat bukanlah kerana seseorang itu bercakap bohong, semoga Allah ﷻ melindungi kita. Bahkan sebabnya adalah kerana jalan yang ditempuhi oleh Para Salikin dan Maqamat mereka adalah berbeza-beza, penipuan tidak berlaku disini. Semoga Allah ﷻ melindungi kita. Ianya tidak berlaku pada sesiapa pun bahawa terdapat sesuatu penipuan di kalangan Para Siddiqin ﵃ ini. Golongan ***Tauhid Wujudi*** mengatakan bahawa golongan ***Tauhid Syuhudi*** adalah salah. Mereka mengatakan bahawa terdapat sangkaan bahawa, golongan yang berpegang kepada ***Tauhid Syuhudi*** dan tidak kepada ***Tauhid Wujudi*** maka mereka tidak akan sampai ke Maqam Haqiqat. Berlakunya hal keadaan ini terhadap golongan ***Tauhid Wujudi*** adalah kerana segala Maqamat dan Ma'rifat tersebut masih belum lagi terzahir kepada mereka yang mana telah diberikan penyingkapan tentang ilmu tersebut terhadap golongan ***Tauhid Syuhudi.***

Kerana itulah mereka menyalahkan golongan ***Tauhid Syuhudi.*** Akan tetapi bagi golongan ***Tauhid Syuhudi,*** ianya telah tsabit bagi mereka dengan nas-nas yang terang. Para Salikin yang sempurna adalah mereka yang berpindah dari hal keadaan ***Sukr*** kepada ***Sahuw*** dan berada di atas Maqam kesedaran dan mendapat kemuliaan untuk minum daripada limpahan Para Anbiya 'Alaihimus Solatu Wassalam. Dari pandangan Kashaf mereka dapatlah ditsabitkan bahawa sekalian daripada mereka itu telah mencapai suatu pencapaian yang besar dalam ***Maqam Tauhid Syuhudi.*** Adakah sesiapa pernah mendengar bahawa Para Sahabat yang lebih afdhal dari sekalian Para Awliya ﷺ pernah berkata tentang "***Hammah Ust***" ataupun tentang ***Tauhid Wujudi?*** Ibarat perbezaaan di kalangan Para Masyaikh ﷺ hendaklah difahami dan dijelaskan menurut cara menempuh jalan Tariqat dan dengan seara ***Wijdan*** dan dengan ***Zihin*** pemikiran dan pengujian. Disebabkan hal keadaan Ghalbah, hendaklah kita kiaskan dengan perkara-perkara yang telah diterangkan dan dinyatakan oleh Para Masyaikh ﷺ. Begitu juga dengan Ma'rifat-ma'rifat yang berbeza-beza sebagaimana menurut ibarat keterangan mereka, hendaklah dilakukan dengan kekuatan Takwil supaya segala perbezaan yang ada di antaranya dapat dihindarkan. Jikalau tidak, bagaimanakah mungkin untuk menyatukan segala Maqamat yang berlainan dan keperluan-keperluan Ahwal yang berbeza-beza. Jikalau ibarat yang berbeza-beza ini ditakwilkan juga, maka bagaimana Maqamat-maqamat yang berlainan ini dapat disatukan dengan Ahwal dan Zauq yang berbeza-beza? Jikalau kamu berkata bahawa angin musim sejuk dan angin musim panas dengan keadaannya sebagai angin adalah satu, akan tetapi akan timbul persoalan bahawa kedua-dua angin ini yang mengandungi panas dan sejuk mengapa tidak dapat disatukan? Dengan perumpamaan kewujudan keadaan ini, bahawa setiap Maqam juga mengandungi ilmu-ilmu dan Ma'rifat-ma'rifat yang berbeza-beza. Sinaran cahaya dan limpahan Faidhz pada setiap Maqam juga adalah berbeza-beza. Maka semua keterangan-keterangan ini, akan dapat terhasil dengan kekuatan dalam bidang ini dan bukannya sekadar dengan mengalami Ghalbah Hal dan Waridat. Dan ilmu pengetahuan hanya ada disisi Allah Ta'ala ﷻ yang mana untuk menghuraikan dan menjelaskan segala perkataan Para Masyaikh Akabirin ﷺ adalah di luar dari kelayakan hamba yang tidak ada sebarang harta ini.

Syair:

Seseorang yang miskin telah mencuri huruf dan perkataan Para Darwish,
Dengan maksud supaya dia dapat menyelamatkan dirinya dari kesusahan.

Akan tetapi bagi diriku yang miskin ini dan haus dengan segala Ahwal Para Masyaikh ﷺ, maka kerana itulah daku telah menuliskan beberapa perkataan Para Masyaikh ﷺ. Mudah-mudahan Allah Ta'ala ﷻ mengurniakan daku dengan rezeki kesalihan.

Syair:

Jikalau daku tidak berupaya untuk berjaya diatas jalan kesyukuran,
Maka adalah lebih baik untuk meletakkan racun ke dalam mulutku.

SIFAT-SIFAT SULUK

Jikalau seseorang penuntut ilmu datang untuk berba'iat, maka bagi seseorang Murshid, sebagai menurut petunjuk Hadits Nabi ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam, hendaklah menyarankan agar penuntut melakukan Istikharah berkali-kali atau jika tidak dapat melakukan Istikharah, mohonlah penyaksian Musyahadah dalam hati kerana ini juga adalah mencukupi. Dalam Bai'at ini, tanpa menghubungkan limpahan Faidhz antara satu sama lain, iaitu diantara guru dan muridnya, tidak akan terhasil sebarang faedah dan begitulah atas keadaan ini, faedah-faedah ini telah ditertibkan. Sesudah itu, Murshid hendaklah mentalqinkan Taubat dan Istighfar kepada muridnya. Seterusnya, memberitahunya cara berzikir ***Ismu Zat*** dan melakukan Tawajjuh dengan meletakkan hati murid bertentangan dengan hati Murshid dan hendaklah dengan sepenuh himmat dan kesungguhan memperhubungkan zikir ke dalam hati Murid mereka supaya hatinya juga turut dapat berzikir. Dan dalam keadaan ini, kadang-kadang akan berlaku getaran dihatinya.

Jikalau seseorang tidak merasa sebarang kesan setelah dihubungkan Zikir ke dalam hatinya, maka hendaklah dia menyibukkan dirinya dengan ***Wuquf Qalbi.*** Jadi begitulah yang dilakukan pada Latifah Qalb. Sesudah Murshid menjalankan zikir pada Latifah Qalb, maka hendaklah melakukannya pada setiap Latifah-latifah yang lain dengan Tawajjuh dan dengan memperhubungkan zikir beberapa kali. Setiap Latifah hendaklah ditawajjuhkan secara berasingan beberapa kali sehingga ketujuh-tujuh Lataif dapat berzikir dengan kurniaan Allah Ta'ala ﷻ. Sesudah itu, Murshid hendaklah mentalqinkan ***Zikir Nafi Wa Itsbat*** kepada muridnya dan memberitahunya supaya melakukan ***Muraqabah Ahadiyyat Sirfah*** dan sentiasa memperhubungkan cahaya-cahaya zikir ke atas hati Muridnya. Segala Nisbat Syaikh yang didapatinya secara perwarisan daripada Masyaikh akan turut diperolehinya. Insya Allah ﷻ, Jazbah tarikan ke arah atas yang dikenali sebagai ***Jazbah Fauqani*** akan terzahir padanya dalam beberapa hari dan hati Salik akan terhasillah cahaya Nur pada Qalbnya. Atas penanggungan Latifah Qalb ini, Latifah-latifah yang lain juga akan turut bercahaya dengan warna-warnanya seperti berikut:

1. Nur Latifah Qalb adalah Kuning.
2. Nur Latifah Ruh adalah Merah.
3. Nur Latifah Sirr adalah Putih.
4. Nur Latifah Khafi adalah Hitam.
5. Nur Latifah Akhfa adalah Hijau.
6. Nur Latifah Nafs adalah Tanpa Warna.

Hendaklah diingat bahwa melihat warna cahaya-cahaya tersebut bukanlah maksud sebenar. Di luar diri Insan dan pada sekalian makhluk ini tidak sedikit warna cahayanya. Mengapa Insan sampai menyibukkan dirinya dengan perkara-perkara warna cahaya batin? Begitu juga, mimpi tidak mengandungi sebarang hakikat melainkan hanya sebagai suatu perkhabaran.

Syair:

Daku bukanlah malam dan daku bukanlah menyembah malam,

Untuk daku menyatakan sesuatu tentang mimpi,

Dan apabila daku adalah hamba kepada matahari,

Apa sahaja yang kukatakan adalah dari matahari tersebut.

MELIHAT ZAT AL-BARI ALLAH TA'ALA

Antara peristiwa-peristiwa yang tertinggi sekali adalah melihat Al-Bari Ta'ala ﷻ dan menziarahi Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Meskipun dengan sangkaan dan khayalan, menerusi sangkaan terhadap perkara Haqiqat ini akan berlakulah suatu penyerupaan dan ianya berlaku disebabkan oleh kilauan cahaya Zikir atau dengan sebab mencintai Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan ikhlas, ataupun memiliki keupayaan yang sesuai atau menerusi keredhaan Murshid atau menerusi Nisbat Batin atau dengan memperbanyakkan Selawat atau dengan membacakan sebahagian dari Asma Ilahi ﷻ atau menghidupkan Sunnah atau dengan meninggalkan Bida'ah atau berkhidmat dengan Para Masyaikh atau menyibukkan diri dengan 'Ilmu Hadits dengan bersungguh–sungguh, maka gambaran rupa Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang Mubarak akan tergambar padanya. Seseorang itu dapat mengetahui sama ada dia mendapat kemuliaan dengan ziarah tersebut ataupun tidak. Bahkan lautan Rahmat ini tidak akan kering sama sekali. Kerana itulah berbagai rupa Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang berbeza telah diperlihatkan. Sekiranya gambaran yang Mubarak tersebut adalah sebagaimana yang wujud di Madinah Munawwarah seperti yang telah dijelaskan oleh ***Sahib Shamail Tirmizi,*** maka penglihatan tersebut adalah suatu kejayaan yang besar baginya dan akan mencapai peningkatan di dalam hatinya dan akan mewajibkan penambahan Taufiq untuknya. Jikalau tidak, hati hanya akan menjadi gembira dengan Waham dan khayalan tersebut. Begitulah juga dikiaskan dengan menziarahi Arwah Para Masyaikh Naqshbandiyyah رحمهم الله. Begitu juga dengan pandangan Kashaf, kebenaran niat seseorang itu hendaklah diterima sebarang keuzurannya. Segala keyakinan 'Aqidah kita dan segala khayalan tentang Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam ataupun dengan perkhabaran yang masyhur iaitu Hadits Nabi ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang telah tersebar di kalangan orang ramai ataupun urusan si fulan dengan muamalah si anu atau sebarang perhubungan yang bersifat Syaitani atau Hawa Nafsani akan terpantul pada cermin hatinya.

Seseorang itu dapat mengetahui bahawa rupa Si Umar itu apabila telah dilihatnya di Alam Mitsal dan dia tidak meletakkan sebarang syarat pun di dalam pengetahuan ini, kerana itulah adakalanya boleh berlaku kesalahan dalam Kashafnya. Maka hendaklah mengutamakan jalan ***Ridha*** dan ***Taslim*** dan ***Tawajjuh*** kepada Hadhrat Ahadiyyat Zat Al-Bari Ta'ala ﷻ dan janganlah sibuk dengan urusan yang selainNya.

Ayat Al-Quran:

Daku menyerahkan segala urusanku kepada Allah.


Sesungguhnya Allah ﷻ sentiasa melihat Hamba-hambaNya dan hendaklah sentiasa berusaha dan menjaga dirinya supaya maksud ini dapat dihasilkan. Perkara pandangan Syuhud yang terhasil di dalam jiwa seseorang sebelum Ruh seseorang di hantar ke dunia ini lalu terperangkap dan sebelum Ruh telah tenggelam di dalam kegelapan jasmani, hendaklah dizahirkan semula.

Catitan: Semua Ruh manusia pada asalnya telah pun mengalami pandangan Syuhud di Alam Arwah sebelum Ruh di hantar ke dalam jasad. Keadaan ini diceritakan dalam ayat Al-Quran dalam ayat 23:2 dimana kesemua manusia telah pun bersaksi dan mengakui bahawa Allah Ta'ala ﷻ adalah kebenran Yang Haqq dan Rabbul 'Alamin ﷻ.

Walau bagaimanapun Nisbat Ruh dengan Allah Ta'ala ﷻ mulai pudar apabila terperangkap dalam jasad dan tenggelam di dalam kegelapan Jasmani dan Nafsani. Sesiapa pun yang dikurniakan dengan Kashaf, maka dia dengan Nur-nur zikirnya dan persiaran Sayrnya akan dapat menyaksikan Syuhud tersebut menerusi pandangan Basirahnya. Di samping itu Jam'iyyat terhadap Khatrah, Tawajjuh terhadap Qalb dan pengawasan terhadap sumber limpahan Faidhz juga membantu untuk menghasilkan peningkatan Ruhaniah secara sedikit demi sedikit.

Dalam tempoh masa yang singkat, Latifah Qalb akan bercahaya dan seterusnya akan sampai ke ***Lataif Qalibiyyah.*** Bagi Ahli Kashaf Wijdan, mereka dapat merasakan Jazbah dan kesedaran dalam pemerolehan Lataif kerana Suluk adalah suatu ibarat tentang berpergian dan pergi bergantung kepada tarikan Jazbah. Apabila Latifah Qalb sampai ke Latifah Qalib, seseorang itu akan terpandang bahawa di atas Qalbnya terdapat suatu jalan yang terbentang luas dan bagi sesetengah yang lain akan melihat bahawa di atas Latifah Sirr kelihatan seperti sebuah menara Nur bercahaya yang berkubah tertegak di hadapannya. Adakalanya yang terjadi terhadap Salik di dalam ahwal 'Uruj, bahawa Qalbnya terasa ditarik dan dibawa menuju ke arah atas. Adakalanya, apabila berlaku keadaan ahwal Nuzul, bahawa Qalbnya terasa ditarik ke bawah.

Dengan kurniaan Allah Ta'ala ﷻ semuanya ini dapat berlaku, bahawa seseorang Salik akan mendapati Latifah Qalbnya akan sampai bersatu dengan ***Asal Latifah Qalb*** yang dinamakan sebagai ***Qalb Kabir*** atau digelar sebagai ***Haqiqat Jami'ah Insani*** dan juga dikenali sebagai ***'Arash Majid.*** Salik janganlah menyangka bahawa pada Maqam ini dia sudah mencapai Fana Qalb. Ini adalah suatu kesilapan Kashfi. Sehingga Maqam ini, separuh Daerah Imkan dan persiaran ***Sayr Afaqi*** telah tamat. Separuh yang lainnya termasuk atas persiaran Alam Amar dan disifatkannya sebagai tidak bertempat adalah menjadi baki separuh yang selebihnya.



Rajah 1

Setelah selesai persiaran Sayr dalam Daerah Imkan, maka akan terhasillah Fana Qalb di dalam Wilayat Sughra. Adakalanya terdapat orang yang salah dalam Kashafnya menyangka bahawa dia telah sampai ke Qalb Kabir. Untuk menghasilkan Fana dan mencapai Asal Lataif, maka dia perlu bersiar dalam Wilayat Kubra dan dia akan mengetahui tentang Fana Nafs. Adalah telah terzahir bagi orang–orang yang berada di dalam Wilayat Sughra bahawa mereka mendapat faedah berkenaan dengan Kaifiyat-kaifiyat dan Jazbah-jazbah dan Ahwal-ahwal berlainan yang terdapat di dalamnya. Sampainya Qalb ke Wilayat Sughra ini adalah merupakan syarat untuk penghasilan ke Wilayat Kubra. Apa yang akan terhasil adalah sepertimana gunung yang kehilangan namanya, daku pun menempuh hari-hariku. Fana adalah untuk siapa? Di manakah yang dikatakan dengan Daerah Wilayat? Semoga Allah Ta'ala ﷻ dengan kurniaanNya yang tidak terbatas dan tarikan JazbahNya menyampaikan kita ke Maqamat tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Ta'ala ﷻ, Amin.

Apabila Inayat Allah Ta'ala ﷻ telah terhitung pada hal keadaan seseorang dan Tawajjuh terhadap Syaikh Kamil mulai menjadi mudah, maka persiaran Sayr pada kedua-dua Qaus Daerah Imkan pun sempurna. Seseorang Salik itu dapat mengetahui tentang kesempurnaan persiarannya atas Maqamat tersebut menerusi ***Kashaf*** dan ***Wijdan*** yang jelas.

Tanda-tanda Zahir penghasilan pada Maqam Daerah Imkan ini adalah Salik akan merasa kehadiran yang berterusan di gerbang Allah Ta'ala ﷻ. Samada secara jaga mahupun dalam tidurnya dia akan dikurniakan dengan ***Dawam Hudhur Ma'a Allah*** ﷻ**.** Kaifiyat yang lain dan juga merupakan tanda-tanda dan hal-hal pada Maqam Wilayat Sughra adalah tarikan Jazbah yang kuat dan rahsia-rahsianya juga turut tersingkap. Cahaya Nur pada Wilayat Sughra adalah seumpama cahaya bulan.

Apabila seseorang itu sudah mulai kuat dan berpegang teguh di atas Maqam ini, maka Salik bolehlah diberikan ***Ijazat Muqayyadah*** iaitu ijazah kebenaran yang terhad. Pada Wilayat Kubra, yang mana cahaya Nurnya seumpama cahaya matahari di tengahari, setelah ianya terhasil maka Salik bolehlah diberikan ***Ijazat Mutlaq.***

HAQIQAT FANA DAN BAQA DAN KESAN-KESANNYA

Sesudah Salik berhasil menghasilkan Haqiqat Fana dan Baqa, apa jua lintasan Khatrah yang ditumpukannya, Allah Ta'ala ﷻ mengetahuinya. Maka, bagi seseorang yang tidak kuat atas jalan Syari'at, maka hendaklah diberikan tumpuan Tawajjuh kepadanya dengan penuh kesungguhan untuk menghubungkan rasa Taubat dalam dirinya. Ini adalah supaya kesanggupan yang sempurna dengan kurniaan Ilahi yang ada pada Nafs Syaikhnya akan juga turut terhasil pada Nafs Salik tersebut. Hendaklah dilakukan Tawajjuh tersebut sebanyak beberapa kali atau kamu mengkhayalkan bahawa dirimu sebagai lelaki pendosa tersebut untuk beberapa hari, lalu kamu bertaubat dan beristighfar. Insya Allah ﷻ, dia akan berdiri tegak atas landasan Syari'at.

Untuk menyelesaikan perkara-perkara sukar yang merupakan maksud, maka hendaklah diperhatikan bersungguh-sungguh dengan penuh penumpuan Tawajjuh supaya perkara yang dituntut itu berhasil. Bagi orang yang sakit hendaklah perhatikan dan fikirkan dengan penuh kesungguhan agar kesihatannya menjadi pulih ataupun niatkan untuk menghindarkan pesakit dari penyakit tersebut supaya dengan kurniaan Ilahi, pesakit akan mendapat kesembuhan.

Untuk mengetahui segala khayalan batin pada orang lain atau bagaimana hal keadaan hati seseorang itu tidaklah begitu sukar. Hatinya hendaklah dihadirkan bertentangan dengan hati orang tersebut dan berikan Tawajjuh terhadapnya. Segala Khatrah yang didapati dalam hati, ianya adalah perkara Batin yang ada pada orang tersebut dan Khatrah-khatrah Batin yang datang itu terdiri dari bermacam-macam jenis:

1. Jikalau Khatrah itu datang dari sebelah kiri hati, lintasan yang datang itu adalah panjang angan-angan dan meringan-ringankan amal dan melibatkan diri dengan dosa dan berprasangka dengan segala kurniaan Allah Ta'ala ﷻ. Ini adalah lintasan Syaitan yang digelar ***Khatrah Syaitani.***

2. Jikalau Khatrah itu datang dari sebelah kanan hati, ianya adalah lintasan ketaatan dan Zikir serta perintah untuk melakukan kebaikan yang mana ianya bersifat kemalaikatan yang digelar ***Khatrah Malaki.***

3. Jikalau Khatrah itu datang dari arah atas ianya adalah lintasan tentang keakuan dan pandangan peribadi, maka Khatrah tersebut disebut sebagai ***Khatrah Nafsani.***

4. Jikalau segala Khatrah yang datang dari arah atas itu dilepaskan dan ditinggalkannya dan dengan lintasan untuk meninggalkan segala Khatrah tersebut maka ianya dinamakan sebagai ***Khatrah Rahmani.***

Bagi persoalan dan perkara-perkara ghaib di Alam Mitsal, maka Para Malaikat yang akan menerbitkannya dan suatu perkara itu akan diperjelaskan secara ghaib atau di dalam mimpi. Akan tetapi perkara ini hendaklah dilakukan berkali-kali dan ianya akan terhasil sesudah berkali-kali melakukan Tawajjuh. Untuk mengetahui kesedaran Batin seseorang Ahlullah, maka hendaklah kita menggambarkan kewujudan diri kita yang kosong sebagai tiada apa-apa dan kemudian meletakkan hati beliau bertentangan dengan hati kita yang mana hal keadaan ini berlaku secara Batin. Maka, ahwal-ahwal Syaikh tersebut akan terpantul padanya.

KESEDARAN BATIN AHLULLAH

Dalam Khandan Silsilah Chishtiyah ؒ, kebanyakan Para Masyaikhnya akan memberikan kesan kehangatan Zikir dan Shauq. Dari Para Masyaikh Silsilah Qadiriyyah ؒ, akan terhasillah penyucian dan kilauan sinar cahaya Nur Zikir. Dari Para Masyaikh Silsilah Naqsbandiyyah ؒ, akan terhasillah perasan rasa ketiadaan diri atau diistilahkan ssebagai ***Bey Khudi*** dan mencapai Itminan iaitu rasa ketenangan. Dari Para Masyaikh Silsilah Suhrawardiyyah ؒ, ahwal mereka adalah mirip dengan ahwal Para Masyaikh Naqsbandiyyah ؒ. Semoga Allah Ta'ala ﷻ mensucikan Ruh-ruh mereka. Akan datang dalam kefahaman seseorang Salik bahawa cahaya Nisbat Faidhz Ahlullah adalah seumpama:

1. Cahaya yang bewarna merah yang berkilauan dalam kegelapan.

2. Awan yang mendung.

3. Udara yang dingin.

4. Hujan yang turun.
5. Mengalirnya air.
6. Cadar nipis yang menutupi badan.
7. Bulan purnama.

Untuk Ahli Idrak yang berkefahaman, apabila mereka menghubungkan diri mereka dengan Ahli Qalb, maka ahwal Qalb mereka juga akan turut terhasil pada dirinya dengan Nisbat Shauq dan Zauq dan kehangatan dan Cinta dan Nisbat. Bagi Ahli Wilayat Kubra, akan terzahir pada Latifah Nafsnya ketenangan dan rasa ***Istihlak*** kebinasaan diri dan ***Izmihlal*** rasa lebur diri, bahkan rasa tersebut akan berlaku pada seluruh badan.

Bagi mereka yang Ahli Kamalat Nubuwwat dan Nisbat Maqamat Mujaddidiyyah yang lain, Nisbat-nisbat adalah lebih halus dan tanpa warna dan dengan keluasannya sehingga meliputi seluruh Latifah-latifah. Bahkan dalam kefahamannya, dia mengetahui bahawa Allah Ta'ala ﷻ adalah dekat. Sesuatu yang walaupun jauh, akan terasa dekat dalam kefahamannya. Keberjauhan adalah suatu perkara sedangkan urusan muamalah ini adalah satu urusan yang lain. Oleh kerana itu, Nisbat Khandan Silsilah yang mulia ini, yang mana penghujung latifah-latifah yang halus dan dengan sebab tanpa warnanya, sesorang itu akan sampai menjadi kehairanan. Maka hendaklah menuntut faedah Nisbat ini yang mana terkandung di dalamnya Shauq dan Zauq. Qalb akan mula lupa tentang ***Tajalli Af'ali*** dan Qalb tidak menyedari dari mana datang Latifah-latifahnya. Dia tidak tahu bahawa segala perkara-perkara yang halus ini datang dari mana sedangkan di dalam Tariqat kita yang suci ini, menerusi kegiatan ini akan datanglah Shauq dan Zauq yang menakjubkan dan Jazbah-jazbah yang pelik. Segala ahwal ini yang berlaku secara berterusan pada Ahli Tariqat dan Maqam yang paling sempurna pada Tariqat ini adalah ***Tajalli Zati Daimi Tanpa Hijab Asma dan Sifat*** dan berpegang teguh di atas Maqam tersebut. Maka, Nisbat sifat-sifat tanpa warna dan kehalusannya akan menjadi Nisbat Batin baginya. Orang-orang yang masih belum sampai berkata bahawa dengan bersuhbat dengan mereka akan menghasilkan ***Jam'iyyat*** dan penyucian. Bagi mereka yang telah menempuh persiaran pada ***Zillal Asma Wa Sifat*** atau ***Tajalli Sifati*** dalam Tariqat ini**,** maka kesan Tawajjuh mereka atau Kaifiyat akan terhasil dalam kekuatan pemahaman mereka. Maka dia dapat memahami bahawa batinnya itu kuat atau tidak. Bahkan bagi mereka yang sampai kepada ***Tajalli Zati Daimi,*** limpahan Faidhz dan keberkatan yang terlimpah adalah sangat agung. Untuk orang-orang yang mengambil faedah dari mereka yang kuat batinnya, dalam tempoh masa yang singkat sahaja, akan berlakulah kesan kehangatan Zikir, Shauq dan Zauq dan Hudhur.

Firman Allah Ta'ala ﷻ,

"Bahawa Dialah yang telah menjadikan untuk kamu pohon yang hijau keluarnya api."

Syair:

Orang biasa yang lemah;

Tidak dapat melakukan pekerjaan yang berat

Yakni seseorang Salik yang tidak sempurna tidak akan memperolehi limpahan Faidhz yang sempurna. Cukuplah perkataan yang ringkas ini bahawa hendaklah mencari Murshid yang kuat dan teguh yang dapat menyempurnakan Suluknya. Dalam Tariqat-tariqat yang lain adalah dengan memperbanyakkan Zikir Jihri, menahan nafas, latihan-latihan Syughal keruhanian dan Sima' akan menghasilkan banyak ahwal seperti kehangatan pada Qalb, Zauq dan Shauq yang mana segala Kaifiyat ini terhasil pada Maqam Jazbah. Di dalam Khandan Silsilah Naqshbandiyyah ini, Kaifiyat-kaifiyat yang terhasil pada Maqam Jazbah akan terhasil pada ketika Fana Qalb. Terdapat berbezaan dalam kedua-dua Ahwal ini. Dalam dalam Tariqat ini, Kaifiyat yang terhasil adalah:

1. Keluasan Nisbat Batin.
2. Dawam Hudhur.
3. Banyaknya cahaya Nur dan keberkatan akan diperolehi.
4. Terzahir padanya hal keadaan Tauhid tanpa syak dan wasangka.

Jika hal keadaan Tauhid Wujudi terhasil, maka ianya adalah disebabkan oleh ketenggelamannya di dalam pemahaman bahawa **"Segala-galanya adalah Dia"** atau disebabkan amalan Muraqabah Tauhid. Jika Nisbat Naqshbandiyyah sampai kepada ***Fana*** dan ***Baqa,*** maka untuk menghidupkan hati-hati Para Penuntut di atas jalan Allah ﷻ adalah suatu pekerjaan yang besar.

Syair:

Yang Dikasihi hendakkan siapa?

Cinta pula adalah milik siapa?

Ketahuilah bahawa dengan melakukan Muraqabah yang banyak sambil mengawas hati dari segala Khatrah dan menantikan limpahan Faidhz Ilahi ﷻ adalah merupakan maksud pekerjaan yang mana akan berlakulah kekuatan dan kedalaman Nisbat Batin, dan dengan memperbanyakkan Zikir Tahlil Lisani yang merupakan suatu ibarat pada menafikan kewujudan dirimu dan seluruh kewujudan yang Maujud dan mengitsbatkan hanya kewujudan Allah Ta'ala ﷻ. Dengan memerhatikan syarat-syarat yang dinyatakan ini, ***Fana*** dan ***Nesti*** akan menjadi semakin kuat dan dengan memperbanyakkan Tilawah Al-Quran akan menghasilkan cahaya Nurani dan penyucian Ruhani dan dengan memperbanyakkan Istighfar dan bersolat dengan ***Khusyu'*** dan ***Khudu'*** yakni merendahkan diri dan dengan memperbanyakkan Selawat ﷺ maka akan terzahirlah peristiwa-peristiwa yang menakjubkan dan adakalanya ia akan berlaku di dalam mimpinya.

Dan jikalau kamu memberi Tawajjuh ke arah ***Nisbat Fanaiyyah,*** maka dalam hal keadaannya adalah berlainan. Jika dia memberikan Tawajjuh kepada ***Nisbat Baqa Billah,*** maka orang yang berada dalam Nisbat Fanaiyyah akan mencapai Zauq yang lain.

Ketika waktu dalam hal keadaan ***Basath,*** jikalau pada kadar sehelai rambut pun berlaku sesuatu perubahan, maka dia akan mensyukurinya dan tidak menganggapnya sebagai perkara yang kecil. Dan ketika waktu dalam hal keadaan ***Qabadhz*** hendaklah mandi dengan air yang dingin. Jikalau tiada, mandilah dengan air panas kemudian melakukan Solat dua rakaat dan beristighfar. Jika ahwal ***Qabadhz*** masih belum berlalu maka hendaklah mandi atau berwudhu atas wudhu yang sudah sedia ada dan dengan merendahkan diri berkhidmat dalam urusan Allah Ta'ala ﷻ.

Dengan melakukan Tilawah Al-Quran dengan bacaan secara Tartil, dan mengingati maut, dan menziarahi kubur-kubur lama, dan hadir di tempat-tempat yang baik, dan mensedekahkan harta yang disayangi, dan bertawajjuh kepda Murshid yang mulia akan dapat menghindarkan ahwal ***Qabadhz***.

Dengan suapan makanan yang haram akan menyebabkan ***Qabadhz*** dan rasa tanpa kemanisan selama tiga hari. Dengan suapan makanan yang Syubhat meskipun halal, ianya akan menyebabkan dosa-dosa kecil dan meninggalkan sentiasa berwudhu sehinggalah meninggalkan Solat.

Dengan Tajalli ***Huwa Al-Qabidhz*** akan dapat mengangkat ahwal ***Qabadhz*** dan ianya bergantung kepada kehendak Ilahi. Hendaklah berusaha ke atas hal tersebut dan berharap dapat menghasilkan kesannya.

Syair:

Syaikh yang asyik itu dengan hal keadaannya,

Tidak mengetahui hal keadaan kekasihnya,

Dan dia tidak pula memandang ke arahnya,

Wahai Khwajah, kami tidak sakit meskipun ada tabibnya.

BAB 9: AMALAN KEGIATAN HARIAN

Para Masyaikh Naqshbandiyyah ﷺ Rahmatullah 'Alaihim menyatakan bahawa, barangsiapa yang tidak memperteguhkan waktu-waktunya dengan sentiasa berzikir, tidak membaca Wazaif, tidak bersifat Qana'ah atas rezeki yang mudah dan meminta-minta selain dari Allah Ta'ala ﷻ maka dia adalah seorang yang lemah atas Jalan Allah.

Imam Tariqat Hadhrat Khwajah Bahauddin Naqshband ﷺ Rahmatullah 'Alaih telah mentetapkan dan menyusun Wazifah-wazifah dan Wirid-wirid dan Aurad dalam Tariqat ini dan ianya adalah berdasarkan kepada Hadits-hadits Sahih. Maka bagi Ahli Tariqat ini sangatlah perlu untuk menuruti Sunnah dengan sempurna.

Pada waktu pagi hendaklah membaca doa-doa Matsurat dengan kadar Taufik yang diberikan oleh Allah Ta'ala ﷻ. Pada waktu siang dan malam amalkanlah:

1. Selawat 10 x
2. Istighfar 10 x
3. A'zubillah 10 x
4. Ayat Al-Kursi 1 x
5. Surah Al-Ikhlas dan Mu'awwizatain 3 x
6. Subhanallahi Wabihamdihi 100 x

Sesudah itu ketika hendak tidur hendaklah membaca Surah Al-Fatihah dan menghadiahkan pahalanya kepada sekelian Arwah Tayyibah Hadhrat Para Masyaikh Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah ﷺ Qaddasallahu Ta'ala Asrarahum dan kemudian menyibukkan diri dalam Zikir dan Muraqabah.

Pada waktu Ishraq, hendaklah melakukan Solat dua raka'at dengan niat Syukur pada siang hari dan dua raka'at dengan niat Istikharah seperti berikut:

"Ya Allah, daku memohon Istikharah menerusi 'IlmuMu bahawa apa sahaja pada siang dan malam hari yang baik untuk diriku, Engkau datangkanlah ia kepadaku dan perilaralah daku dari sebarang Qadha' ketentuan yang buruk dan kurniakanlah keredhaanMu kepadaku."

Sesudah itu hendaklah menyibukkan diri dengan mempelajari kitab-kitab dan melakukan urusan keperluan harian. Pada waktu Dhuha, hendaklah bersolat empat rakaat, bahawa di dalam Hadits ianya dinyatakan sebagai Solat Awwabin. Inilah Solat Dhuha.

Firman Allah Ta'ala ﷻ,

رَّبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ ۚ إِن تَكُونُوا صَٰلِحِينَ فَإِنَّهُۥ كَانَ لِلْأَوَّٰبِينَ غَفُورًا ﴿٢٥﴾

Tuhanmu lebih mengetahui apa yang ada di dalam hatimu, jika kamu orang-orang yang baik maka sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat. **[17:25]**

Kemudian jika berasa kelapangan maka lakukanlah ***Qailulah***, bahawa ianya untuk memperkuatkan bangun malam. Pada waktu Zawwal iaitu sesudah tergelincirnya matahari, hendaklah bersolat empat rakaat dengan berdiri yang panjang. Sesudah Solat Maghrib, lakukanlah Solat Sunnah enam rakaat yang dikalangan orang ramai masyhur dengan nama ***Solat Awwabin*** dan yang utama adalah dua puluh rakaat.

Sekiranya mampu, waktu malam hendaklah dibahagikan kepada tiga bahagian. Sepertiga yang pertama dan sepertiga yang akhir adalah bagi menunaikan hak-hak Allah Ta'ala ﷻ dan sepertiga yang tengahnya hendaklah digunakan untuk kerehatan nafsu. Sekiranya tidak, hendaklah membahagikan waktu malam kepada empat bahagian. Tidur di tengahari adalah mencukupi. Solat Tahajjud adalah dilakukan ketika bangkit dari tidur dan bagi orang yang takut dirinya dikalahkan oleh tidur, bolehlah dilakukan Solat Tahajjud sebelum tidur.

Untuk orang-orang yang tiada Taufiq iaitu bagi mereka yang tidak dapat Solat Tahajjud di malam hari, hendaklah melakukan Solat Tahajjud tersebut pada waktu Dhuha dengan dua belas rakaat atau sepuluh rakaat, sebanyak mana yang boleh dilakukannya.

Dalam Solat Nawafil hendaklah mengamalkan Surah Yasin dan jikalau tidak mampu, bacalah Surah Al-Ikhlas. Pada waktu Sahur lakukanlah Doa, Istighfar, Zikir dan Muraqabah. Sekiranya bangun pada sepertiga malam yang akhir sesudah melakukan zikir-zikir, tidurlah sebentar bahawa sekiranya mengalami mimpi di dalam waktu ini, ianya dinamakan sebagai ***Musyahadah.***

Solat Subuh dilakukan pada awal waktu ketika bintang-bintang masih berkelip-kelipan. Segala Wirid-wirid yang tsabit dari Hadits–hadits Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam hendaklah dijadikan sebagai Wazifah.

Bagi seorang Hafiz Al-Quran untuk membacakan Al-Quran Majid di dalam Solat Tahajjud adalah lebih baik, dan bagi seseorang yang bukan Hafiz Al-Quran, sesudah Solat Ishraq atau Solat Zuhur hendaklah melakukan Tilawah Al-Quran dengan bacaan secara ***Tartil*** dan ***Tajwid*** serta suara yang merdu dan hendaklah membacanya dengan kadar satu juzuk atau lebih.

Dan jika datang keghairahan Zauq dan Shauq maka lakukan Tilawah itu dengan suara yang tinggi sedikit secara sederhana. Bacalah ***Kalimah Tamjid*** 100 kali dan ***Selawat*** 100 kali sesudah Solat Isyak.

Jikalau tidak, maka lakukanlah pada bila-bila masa apabila terasa mudah untuk mengamalkannya iaitu sebanyak 1000 kali atau sebanyak mana yang boleh diamalkan. Seterusnya mengamalkan amalan berikut:

1. Bacaan Istighfar: "***Rabbighfirli Warhamni Watub 'Alaiyya Innaka Anta At-Tawwabu Ar-Rahiim***" 100 kali.
2. Bacaan Istighfar: "***Rabbighfir Warham Wahdini As- Sabil Al-Aqwam***" 100 kali.
3. Bacaan Doa: "***Allahummaghfirli Warhamni Waliwalidaiyya Waliman Tawallada Walil Mukminina Wal Mukminat***" 25 kali.

Ketahuilah bahawa segala Solat-solat Nawafil, Tilawah Quran dan Awrad jika dilakukan tanpa kehadiran Qalb maka ianya tidah sah. Kerana itulah dikatakan bahawa seseorang Salik sesudah menunaikan Solat Fardhu, Sunat dan Qadha janganlah menyibukkan diri dengan sebarang amalan pun kecuali dengan ***Zikir*** dan ***Muraqabah*** supaya kehadiran sifat ***Hudhur*** menjadi semakin kuat dan Nafs akan mencapai ***Fana*** dan akhlak akan dapat dipulihkan.

Segala wirid daripada wirid-wirid dan sesuatu uruan dalam segala urusan dan urusan penghidupan dan urusan belajar dan mengajar yang datang di hadapan seseorang Salik, hendaklah menyibukkan diri dalam urusannya. ***Wuquf Qalbi*** secara tersembunyi dan ***Yad Dashyat*** hendaklah selalu diamalkan. Akan tetapi, menyibukkan diri dalam ilmu-ilmu yang dalam adalah memudaratkan.

Menyibukkan diri dalam ilmu-ilmu agama akan memperkuatkan Nisbat Batin, khasnya Ilmu Hadith dan segala Ilmu Tafsir dan Fiqah dan Ilmu Tasawwuf dengan syarat hendaklah memberikan Tawajjuh kepada Rauhaniah Muqaddasah yang suci, Hadhrat Nabi Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan memelihara adab-adab Kalam Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

BAB 10: NASIHAT HADHRAT KHWAJAH 'ABDUL KHALIQ GHUJDWANI

Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujdwani ﵀ telah memberikan nasihat yang berikut, "Wahai anakku, daku memberikan nasihat kepadamu bahawa:

1. Pada segala 'Ilmu, Adab, Taqwa dan himpunan Ahwal yang telah dibentangkan kepadamu, hendaklah kamu menuruti Para Masyaikh Salaf yang terdahulu dalam perkara-perkara tersebut dan masuklah dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Hasilkan 'Ilmu Fiqah dan Hadits. Jauhilah Para Sufi yang jahil.
3. Jauhilah menjadi Imam dan Mu'azzin tetapi hendaklah memelihara Solat secara berjemaah.
4. Kemasyhuran adalah kecelakaan dan akan mendatangkan musibah dalam urusan Agama, Dunia dan Akhirat. Janganlah menjadi orang yang menuntut perkara tersebut, jauhkan diri darinya.
5. Janganlah mengaitkan dirimu dengan sesuatu kedudukan yang tinggi.
6. Hendaklah kamu sentiasa berikhtiar memilih supaya orang tidak mengenali namamu.
7. Janganlah menulis namamu dengan sebarang amal kebaikan.
8. Janganlah pergi kepada orang-orang golongan pemerintah.
9. Janganlah menjadi penjamin bagi sesiapa pun.
10. Janganlah datang memberi nasihat kepada orang ramai.
11. Janganlah bersahabat dengan raja-raja dan anak-anak mereka.
12. Janganlah membina Khanqah dan janganlah menjadi penunggu Khanqah.
13. Janganlah menyibukkan diri dalam Sima' kerana Sima' akan mematikan hati dan menimbulkan Nifaq. Akan tetapi, mengingkari Sima' juga janganlah dilakukan kerana di kalangan Ahli Sima', ramai di kalangan mereka adalah Para Masyaikh.
14. Kurangkan bercakap dan kurangkan makan dan kurangkan tidur.

15. Hendaklah menempuh dirimu bersama makhluk sebagaimana seorang yang lari dari harimau.

16. Hendaklah melazimkan Khalwat.

17. Janganlah bercampur-gaul dengan lelaki dan perempuan yang melakkukan Bida'ah dan yang kaya-raya.

18. Makanlah dari sumber rezeki yang halal dan hendaklah selalu menjauhkan diri dari perkara-perkara yang Syubhat setakat mana yang kamu mampu.

19. Janganlah menjadi seperti perempuan yang sentiasa menuntut dunia.

20. Janganlah banyak ketawa dan janganlah berdekah-dekah dalam ketawa kerana dengan banyak ketawa akan mematikan hati.

21. Hendaklah melihat setiap orang dengan pandangan kasih sayang dan janganlah menganggap hina terhadap sesiapa pun.

22. Hendaklah kamu memelihara yang Zahirmu kerana kerosakan Zahir bererti kerosakan Batin.

23. Janganlah bergaduh dengan orang ramai.

24. Janganlah minta dari sesiapa pun dan jangan kamu perintah sesiapa pun untuk berkhidmat kepadamu.

25. Hendaklah kamu berkhidmat terhadap harta Para Masyaikh dengan jasad dan jiwamu. Janganlah kamu mengingkari Af'al perbuatan mereka kerana orang-orang yang tidak bersetuju dengan perbuatan mereka sekali-kali tidak mendapat kejayaan.

26. Janganlah menjadi bangga dengan perkara-perkara dunia dan ahli-ahli dunia meskipun hatimu dalam keadaan runsing, badanmu sakit dan matamu menangis.

27. Amal kamu hendaklah Ikhlas dan hendaklah berdoa dengan merendahkan diri. Pakaian kamu hendaklah pakaian yang lama.

28. Hendaklah teman-temanmu adalah Para Darwish dan sumber kamu adalah kefaqiran.

29. Hendaklah rumah kamu sebagaimana Masjid.

30. Dan yang menjinakkan kamu dan melepaskan kamu dari segala kerunsingan adalah Allah Ta'ala ﷻ Zat yang Maha Suci."

BAB 11: AHWAL RUHANIAH HADHRAT IMAM RABBANI MUJADDID ALF TSANI

Imam Tariqat, Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Rahmatullah ʻAlaih telah berhasil memperolehi ***Nisbat Chishtiyyah*** menerusi ayahandanya Hadhrat Khwajah ʻAbdul Ahad Rahmatullah ʻAlaih dan beliau telah memperolehi limpahan ***Faidhz Ijazat dan Khilafat*** daripada Arwah Tayyibah Para Masyaikh dalam Silsilah ʻAliyyah Chishtiyyah dan semenjak kecil lagi beliau telah berada di bawah pemerhatian Hadhrat Shah Kamal Qadiri Kathaili Rahmatullah ʻAlaih. Hadhrat Shah Kamal Kathaili Rahmatullah ʻAlaih telah memperolehi ***Khirqah Tabarruk*** dari tangan Hadhrat Shah Sikandar Rahmatullah ʻAlaih yang mana Hadhrat Shah Kamal Rahmatullah ʻAlaih dalam suatu peristiwa telah menyatakan bahawa Hadhrat Shah Sikandar Rahmatullah ʻAlaih telah menekankan kepadanya supaya memakaikan ***Khirqah Tabarruk*** kepada Hadhrat Mujaddid Rahmatullah ʻAlaih menerusi Arwah Muqaddasah Para Akabirin Khandan Silsilah Qadiriyyah di atas pembukaan ***Futuh Rauhaniah*** Hadhrat Ghauts Tsaqilain Rahmatullah ʻAlaih. Beliau telah memperolehi limpahan Faidhz serta keberkatan dan Ijazat kebenaran serta Khilafat dan telah menerima Ijazat Tariqat Kubrawiyyah daripada Hadhrat Maulana Ya'qub Sarfi Rahmatullah ʻAlaih yang mana petunjuk-petunjuk kesempurnaanya begitu masyhur di Kashmir. Akan tetapi, Nisbat Khas Khandan Silsilah Naqshbandiyyah Qaddasallahu Asrarahum telah beliau perolehi daripada Hadhrat Khwajah Baqibillah Rahmatullah ʻAlaih. Nisbat ini telah menjadi Nisbat yang lebih utama bagi Hadhrat Mujaddid menerusi amalan–amalan Zikir, Syughal dan memelihara Adab-adab. Maka sebagai memohon Tabarruk dan keberkatan adalah perlu menyatakan Syajarah Tayyibah keempat-empat Silsilah ini supaya bagi Para Mutawassilin Silsilah ʻAliyyah dapat mewajibkan keberkatan ke atas mereka. Dengan hal keadaan ini dapatlah mereka melakukan kerja-kerja ***Kasab Faidhz*** iaitu menghasilkan limpahan karunia daripada Hadhrat Zat Ilahi menerusi perhubungan dengan Khandan keempat-empat Silsilah dan menghasilkan pengurniaan agung yang mana akal akan menjadi kehairanan dengan kesempurnaan hal keadaannya. Hadhrat Khwajah Baqibillah Rahmatullah ʻAlaih telah mengatakan tentang Hadhrat Mujaddid Rahmatullah ʻAlaih bahawa pada waktu ini tiada seorang pun di bawah langit ini orang yang sepertinya dan di kalangan Ummat ini hanya dapat diketahui beberapa orang Hadhrat yang sepertinya. Segala maklumat dan Kashaf yang tersingkap pada mereka adalah benar dan mereka sentiasa berada di bawah pemerhatian Arwah Para Anbiya ʻAlaihimussolatu Wassalam. Daripada surat-surat Hadhrat Khwajah Baqibillah Rahmatullah ʻAlaih dapatkan diketahui mengenai kesempurnaan Hadhrat Mujaddid Rahmatullah ʻAlaih.

Hadhrat Mulla Badruddin ﷺ Rahmatullah 'Alaih di dalam kitabnya ***Hadhrat Al-Quds*** dan Hadhrat Muhammad Hashim Kashmi ﷺ Rahmatullah 'Alaih di dalam kitab ***Barakat Ahmadiyyah*** dan Hadhrat Muhammad Ihsan ﷺ Rahmatullah 'Alaih di dalam ***Raudhah Al-Qayyumiyah*** dan Para Masyaikh yang lain telah menghuraikan tentang Maqamat dan ketaatan 'Ibadat Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih di dalam Manaqib-manaqib yang mana sesudah menyatakan tentang Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih, mereka menuliskan bahawa,

"Tidak ada yang mengasihinya melainkan orang-orang yang beriman yang bertaqwa dan tiada yang membencinya melainkan orang-orang yang Munafiq.

Hadhrat Hashim Kashmi ﷺ Rahmatullah 'Alaih telah menukilkan di dalam ***Barakat Ahmadiyyah*** bahawa ketika Hadhrat Baqibillah memberi Targhib kepada Para Sahabatnya supaya mengambil faedah daripada Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih dengan menghantar mereka ke Sirhind, ada seorang yang telah mengingkari perintah Hadhrat Baqibillah ﷺ Rahmatullah 'Alaih. Orang tersebut telah melihat di dalam mimpinya bahawa Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah memberikan khutbah memuji Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih dan telah bersabda bahawa:

"Makbul di sisi Ahmad maka makbul juga di sisi kami, tertolak di sisi Ahmad bererti tertolak di sisi kami."

Hadhrat Syaikh 'Abdul Haqq Dehlawi ﷺ Rahmatullah 'Alaih dalam penutup suratnya telah mempersoalkan tentang perkataan Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih yang mulia. Beliau telah menuliskan bahawa daku telah memikirkan berkenaan dengan dirinya sehingga daku telah bertemu dengan satu ayat yang berikut:

Ayat Al-Quran,

"Jika sekiranya dia menipu maka ke atasnya tipu dayanya dan sekiranya dia benar maka akan ditimpakan ke atas kamu sebahagian yang memusuhinya."

Adalah tidak tersembunyi bahawa ayat Al-Quran yang mulia ini telah mengangkat suatu persamaan keadaan dengan peristiwa Fir'aun dan para pengikutnya yang mengikut kebenaran Hadhrat Musa 'Alaihissalam. Subhanallah! Hadhrat Mujaddid ﷺ Rahmatullah 'Alaih adalah seorang yang Musawi Musharab. Meskipun Hadhrat Syaikh 'Abdul Haqq Dehlawi ﷺ Rahmatullah 'Alaih, kerana kemarahannya tidak dapat mengangkat persamaan ini, akan tetapi sesudah beberapa lama beliau mula membenarkan kesempurnaan Hadhrat Mujaddid. Walaupun di dalam surat tersebut dikirimkan oleh Hadhrat Syaikh 'Abdul Haqq Dehlawi ﷺ Rahmatullah 'Alaih kepada Hadhrat Mirza Husamuddin ﷺ Rahmatullah 'Alaih yang mana Hadhrat Mirza

Husamuddin ﵀ Rahmatullah 'Alaih adalah seorang dari khalifah agung Hadhrat Baqibillah ﵀ Rahmatullah 'Alaih. Di dalam suratnya itu telah dinyatakan bahawa Hadhrat Syaikh 'Abdul Haqq Dehlawi ﵀ Rahmatullah 'Alaih telah meninggalkan keingkarannya terhadap Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih dan telah berkata bahawa,

"Seorang yang mulia seperti ini, janganlah bersangka buruk terhadapnya."

Sesiapa yang mengingkari dan membenarkan sesuatu yang dengan lafaz 'Arabnya bermaksud perkataan yang buruk, bercakap dengan taksub dan segala perkara Ma'rifat yang dalam-dalam tidak diketahuinya, maka tidaklah boleh diambil iktibar daripadanya. Seseorang yang buta dengan pandangan Basirah dan tidak dapat melihat perkara-perkara Kashaf dan perkara-perkara Haqiqat yang mendalam, jika diberi masuk ke dalam golongan Ahli Basirah adalah mustahil dalam apa jua keadaan sekalipun.

Atas sebab ini, untuk mengangkat segala kesalahfahaman terhadap kalam Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih, maka Hadhrat Muhammad Baig Badakhshi ﵀ Rahmatullah 'Alaih telah menyusun sebuah risalah di Makkah Musharrafah beserta cop mohor Para Mufti keempat-empat Mazhab dan ianya masih wujud sehingga kini dan Para Sahabat Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih yang ikhlas juga telah merasai dan menempuh atas jalan Suluk ini dan telah mendapat kejayaan Sa'adat di sisi Allah Ta'ala ﷻ.

Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih juga telah meninggalkan segala pertelingkahan. Orang-orang yang insaf dan terjauh dari hasad dengki, bagi mereka segala jawapan yang diberikan oleh Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih adalah mencukupi dan menjadi penyembuh bagi mereka. Beliau berkata bahawa,

"Perkataanku tidak kosong dari kemabukan Sukr."

Sahuw yang tulin atau kesedaran yang benar juga dikurniakan kepada orang awam. Beliau berkata lagi bahawa,

"Di dalam Tariqat ini terdapat suatu persamaan seperti bayangan yang menuruti yang asal dari 'Uruj hinggalah ke Nuzul, akan tetapi ianya adalah bagi orang-orang yang dipelihara oleh Allah Ta'ala ﷻ."

Hadhrat Mujaddid ﵀ Rahmatullah 'Alaih berkata lagi bahawa,

"Segala Kashaf dan Ma'rifat yang bertentangan dengan Kitabullah dan Sunnah Rasulullah ﷺ adalah tidak diterima."

Dari ketiga-tiga perkataan ini, dengan akal yang mendalam dapat menjawab segala persoalan tentang perkataan Hadhrat Mujaddid Rahmatullah 'Alaih. Bagi setiap jawaban dan perinciannya, ada dinyatakan di dalam himpunan surat-surat Maktubat Hadhrat Mujaddid Rahmatullah 'Alaih dan hendaklah merujuk kepadanya. Akan tetapi Ma'rifat yang pelik-pelik dan huraian Maqamat yang baru akan terhasil sesudah mengikrarkan dan mentsabitkan Ma'rifat orang-orang yang terdahulu dengan tidak melihat sebarang kekurangan pada Para Akabirin yang terdahulu. Adapun dengan terzahirnya cara hidup ***Millat Muhammadiyyah*** yang baru, tidak boleh menganggap bahawa terdapat sebarang kekurangan dalam Millat yang terdahulu. Sebagai contohnya Hadhrat Imam Shafi'i dengan Mazhab barunya adalah penuntut Hadhrat Imam Malik. Millat Hadhrat Imam Malik tidaklah bersifat kekurangan.

Hadhrat Mujaddid berkata bahawa Ma'rifat Allah adalah haram ke atas seseorang yang menganggap dirinya adalah lebih baik daripada orang kafir. Maka bagaimana pula hal keadaan seseorang yang menganggap dirinya adalah lebih baik dari Para Masyaikh dalam bidang Agama. Hadhrat Mujaddid berkata bahawa,

"Daku hanya memperolehi sebahagian kecil daripada ketinggian daulat Para Akabirin ini dan dengan nikmat yang mereka kurniakan telah menambahkan peningkatan pada diriku kerana mereka telah memberi Tarbiyyah kepada diriku dalam perkara-perkara yang berlainan dan dengan kemuliaan dan Ihsan sebagai satu bahagian Asnaf, mereka telah menyampaikan manfaat-manfaat tersebut kepadaku. Segala hak Para Akabirin adalah wajib ke atas diriku."

Hadhrat Mujaddid telah menyatakan bahawa ilmu-ilmu tentang ***Wahdatul Wujud*** dan ***Ihatah*** dan sebagainya datang kepadaku menerusi Para Akabirin ini dan dari Maqam ini seseorang akan mencapai peningkatan. Jikalau kamu menuruti Kalam perkataan Para Awliya maka kamu akan mendapati bahawa betapa manis dan tingginya perkataan yang keluar dari lidah Para Akabirin tersebut.

Seorang Buzurg telah berkata,

"Maha Suci Aku, kedudukanku mengatasi kedudukan Muhammad."

Yang lain ada berkata,

"Tapak kakiku berada di atas leher sekalian Para Wali Allah".

Dan yang lain ada berkata,

"Tapak kakiku berada di atas dahi seluruh Wali Allah".

Dalam perkara ini bahawa sekalian Para Sahabat yang agung dan Hadhrat Imam Mahdi ﷺ Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu secara Ittifaq dan disepakati adalah lebih afdhal dari sekalian Para Awliya dan yang lain telah berkata,

"Di dalam Maqamat Qurb, melihat suatu langkah yang lebih baik dari dirinya Daku menjadi hairan kerana tiada seorang pun yang dapat mendahului atas diriku. Mereka berkata bahawa ianya adalah langkah Mubarak Hadhrat Baginda Rasulullah ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Hatiku pun mulai menjadi tenang."

Yang lain berkata bahawa di dalam Maqamat Qurb,

"Daku telah melalui suatu gerbang yang mana Para Anbiya 'Alaihimussolatu Wassalam telah tenggelam di dalam sungai."

Hadhrat Syaikh Ibnu 'Arabi ﷺ telah menukilkan dalam "***Khatam Al-Wilayat***"**,** bahawa ***Khatam Ar-Risalat*** mengambil ***Istifadhah*** dari ***Khatam Al-Wilayat.*** Maka segala keterangan daripada Para Akabirin dan orang-orang yang menuruti mereka mengambil faedah dari kalimat perkataan mereka ataupun kamu dalam hal ghalbah ataupun kamu diperintahkan untuk menzahirkan Maqamat tersebut ataupun sebagai mensyukuri nikmat Allah Ta'ala ﷻ atau untuk memberi dorongan ***Targhib*** kepada penuntut Tariqat ini ataupun hanya ibarat yang zahir dari perkataan mereka.

Janganlah mengambil perkataan Buzurg ini melainkan dengan diketahui makna yang dimaksudkan dari lafaz tersebut. Melihat perkara ini dengan adil adalah sebagai menjawab segala persoalan yang mana pada zahirnya di kalangan orang ramai menyangka buruk Kalam tersebut.

Ayat Al-Quran

"Maka janganlah kamu menjadi di kalangan orang-orang yang ragu."

Segala ilmu-ilmu dan Ma'rifat-ma'rifat yang menuruti Kitabullah dan Sunnah Rasulullah ﷺ atau sebahagian lafaz yang tidak dinukilkan hendaklah ditakwilkan dengan jalan ***Tafwidhz*** dan janganlah mempersoalkan dengan membuka lidah. Orang yang mengingkari golongan-golongan yang tinggi darjatnya, maka mereka ini berada dalam kedudukan yang merbahaya. Hadhrat Khwajah 'Abdullah Ansari Rahmatullah 'Alaih ﷺ telah berkata bahawa janganlah kamu ingkar kerana ingkar adalah kecelakaan yang dilakukan oleh seseorang yang diharamkan dari kerja ini. Semoga Allah Ta'ala ﷻ mengurniakan kepada kami dan kamu kecintaan MahabbatNya dan kecintaan terhadap rakan-rakanNya, Amin.

Seseorang itu akan bersama dengan orang-orang yan dikasihinya.

Tammat.


KHATIMAH

Segala puji-pujian bagi Allah Ta'ala ﷻ Tuhan sekalian Alam dan pujian yang banyak lagi baik lagi mengandungi keberkatan padanya sepertimana yang dicintai oleh Tuhan kamu dan diredhaiNya.

Segala puji-pujian bagi Allah Ta'ala ﷻ yang dengan nikmatNya telah sempurna segala amal. Risalah ini telah siap kemaskinikan pada waktu Zohor tarikh 10 Rejab 1433 Hijrah bersamaan 31 Mei 2012 Masihi.

Ya Allah, bagi Engkaulah segala Sanjungan dan Pujian dan Kebesaran sebagaimana yang layak bagiMu. Maka limpahkanlah Selawat dan Salam kesejahteraan serta keberkatan ke atas Sayyidina Maulana Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan ke atas Para Ahlinya sebagaimana yang layak baginya dan bertindaklah terhadap kami atas apa yang layak bagi kami kerana Engkau sesungguhnya adalah Pelindung orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang memohon keampunan. Semoga Rahmat Allah Ta'ala terlimpah ke atas sebaik-baik ciptaanNya Sayyidina Maulana Muhammad ﷺ Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan ke atas Para Ahlinya dan sekalian Para Sahabatnya. Dengan RahmatMu, wahai Yang Maha Pemurah. Amin, Ya Rabbal 'Alamin.


RINGKASAN SULUK TARIQAT NAQSHBANDI MUJADDIDI



Rajah 1: Latihan Kerohanian dalam Tariqat Mujaddidiyah

Tertib Penyucian Latifah	Latifah		Asal Limpahan Faiz		Nabi	Warna Faiz	Kedudukan Latifah
1	Latifah Alam Amr	Qalb	Sifat Af'aliyyah		Adam		Bawah tetek kiri
2		Ruh	Sifat Tsubutiyyah		Ibrahim dan Nuh		Bawah tetek kanan
3		Sirr	Sifat Shuyun Zatiyah		Musa		Atas tetek kiri
4		Khafi	Sifat Salbiyah		Isa		Atas tetek kanan
5		Akhfa	Sifat Shan Jami'		Muhammad		Tengah dada
6	Latifah Alam Khalaq,	Nafs	Asal Faiz dari Alam Amr	Qalb	-	-	Tengah dahi
7		Api		Khafi	-	-	Berada pada seluruh badan, Qalib
8		Angin		Ruh	-	-	
9		Air		Sirr	-	-	
10		Tanah		Akhfa	-	-	

Rajah 2: Tertib penyucian batin dan Latifah-latifah Insan



Rajah 3: Keseluruhan Daerah-Daerah Maqamat

SYAJARAH TAYYIBAH MUBARAKAH

Setiap hari sewaktu terbit dan sebelum terbenam matahari, bacalah Ta'awwuz lalu membaca Basmalah dan Surah Al-Fatihah sekali dan Surah Al-Ikhlas sebanyak 3 kali beserta Basmalah, kemudian dihadiahkan pahala bacaan tersebut kepada sekelian Arwah Para Masyaikh Silsilah 'Aliyah Naqshbandiah Mujaddidiah seperti berikut:

"Ya Allah, telah ku hadiahkan seumpama pahala bacaan Fatihah dan Qul Huwa Allah kepada sekelian Arwah Muqaddasah Masyaikh Kibaar Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah."

Seterusnya membaca Syajarah Tayyibah ini pada kedua-dua waktu yang tersebut.

Bismillahir Rahmaanir Rahiim

1. *Ilahi bihurmati Syafi'il Muznibin Rahmatan lil 'Alamin Hadhrat Sayyidina* ***Muhammad Rasulullah*** *Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa Aalihi Wa Ashabihi Wabaraka Wasallam.*
2. *Ilahi bihurmati Khalifah Rasulillah* ***Hadhrat Abu Bakar Siddiq*** *Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu.*
3. *Ilahi bihurmati Sahibi Rasulillah* ***Hadhrat Salman Al-Farisi*** *Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu.*
4. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Imam Qasim Ibni Muhammad Ibni Abi Bakar*** *Radhiyallahu Ta'ala 'Anhum.*
5. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Imam Ja'afar Sadiq*** *Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu.*
6. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Abu Yazid Bistami*** *Rahmatullah 'alaihi.*
7. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Abul Hassan Kharqani*** *Rahmatullah 'alaihi.*
8. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Abu 'Ali Faramadi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
9. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Yusuf Hamadani*** *Rahmatullah 'alaihi.*
10. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Khwajagan 'Abdul Khaliq Ghujduwani*** *Rahmatullah 'alaihi.*
11. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah 'Arif Riwagari*** *Rahmatullah 'alaihi.*
12. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Mahmud Anjir Faghnawi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
13. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah 'Azizan 'Ali Ramitani*** *Rahmatullah 'alaihi.*
14. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Muhammad Baba Sammasi*** *Rahmatullah 'alaih.*
15. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Sayyid Amir Kullal*** *Rahmatullah 'alaihi.*
16. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Imam Tariqat Khwajah Shah Bahauddin Naqshband*** *Rahmatullah 'alaihi.*
17. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah 'Alauddin 'Attar*** *Rahmatullah 'alaihi.*
18. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Ya'qub Carkhi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
19. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah 'Ubaidullah Ahrar*** *Rahmatullah 'alaihi.*
20. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Muhammad Zahid*** *Rahmatullah 'alaihi.*
21. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Darwish Muhammad*** *Rahmatullah 'alaihi.*
22. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Khwajaki Amkanggi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
23. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Khwajah Muhammad Baqi Billah*** *Rahmatullah 'alaihi.*
24. *Ilahi bihurmati Hadhrat* ***Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
25. *Ilahi bihurmati Hadhrat Qayyum* ***Khwajah Muhammad Ma'sum*** *Rahmatullah 'alaihi.*
26. *Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah* ***Syaikh Saifuddin*** *Rahmatullah 'alaihi.*
27. *Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah* ***Sayyid Nur Muhammad Budayuni*** *Rahmatullah 'alaihi.*

28. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Habibullah Mirza Mazhar Jan Janan*** *Rahmatullah 'alaihi.*
29. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlawi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
30. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Shah Abu Sa'id Dehlawi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
31. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Shah Ahmad Sa'id Dehlawi*** *Rahmatullah 'alaihi.*
32. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Haji Dost Muhammad Qandahari*** *Rahmatullah 'alaihi.*
33. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Haji Muhammad 'Utsman Damani*** *Rahmatullah 'alaihi.*
34. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Haji Muhammad Sirajuddin*** *Rahmatullah 'alaihi.*
35. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Maulana Abu Sa'ad Ahmad Khan*** *Rahmatullah 'alaihi.*
36. Ilahi bihurmati Hadhrat Khwajah ***Maulana Muhammad 'Abdullah*** *Rahmatullah 'alaihi.*
37. Ilahi bihurmati Hadhrat Sayyidina Wa Murshidina Wa Maulana Khwajah Khwajagan Pir Piran Qiblah ***Khwajah Khan Muhammad*** *Sahib Khanqah Sirajiyyah Rahmatullah 'Alaih.*
38. Ilahi bihurmati Hadhrat Faqir ***Maulawi Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi*** *Ghaffarallahu Lahu Wali Walidaihi Wali Jami'il Muslimin.*

39. Bar 'Abdu Dha'if Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan La Syaik Miskin .... 'Ufiya 'Anhu, Raham Farma Wa Muhabbat Wa Ma'rifat Wa Jam'iyat Zahiri Wa Batini Wa 'Afiati Darain Wa Bahrahi Kamil Az Fuyudzi Wa Barkati In Buzurgan Rozi Ma Kun.

Rabbana Tawaffana Muslimin Wa Alhiqna Bis Salihin.

Kepada hamba dhaif fakir hina di bawah telapak kaki Para Masyaikh yang tiada apa-apa lagi miskin .... semoga diampunkannya, Rahmatilah kami dan kurniakanlah Cinta kasih sayang dan Makrifat serta Jam'iyat Zahir dan Batin serta 'Afiat di Dunia dan Akhirat dan lautan kesempurnaan dari limpahan Faidhz dan keberkatan Para Masyaikh ini.

Ya Tuhan kami, matikanlah kami sebagai Muslimin dan sertakanlah kami bersama Para Salihin.

ISTILAHAT MUJADDIDIYYAH

A

Akhirat	-	Kehidupan yang kekal sesudah mati
Agama	-	Ad-Din, Syari'at dan hukum ahkam Islam, ketaatan
Ahadiyah	-	Keesaan
Ahmad	-	Yang Paling Terpuji
Ahwal	-	Hal-hal keadaan
Akabirin	-	Syeikh-syeikh besar
Akhfa	-	Yang paling tersembunyi, Latifah Alam Hahut di Alam Amar
Alam Amar	-	Alam di atas 'Arasy
Alam Arwah	-	Alam Para Roh
Alam Bahut	-	Alam Sifat-Sifat Allah, Alam Ketuhanan.
Alam Hahut	-	Alam Zat Allah, Alam Ketuhanan.
Alam Jabarut	-	Alam Para Roh
Alam Kabir	-	Makrokosmos
Alam Khalaq	-	Alam di bawah 'Arasy
Alam Lahut	-	Alam Bayangan Sifat-Sifat Allah, Alam Ketuhanan.
Alam Malakut	-	Alam Para Malaikat
Alam Saghir	-	Mikrokosmos
Allah	-	Nama Zat Tuhan yang wajib wujud secara mutlak, memiliki segala sifat kesempurnaan dan suci dari segala sifat kekurangan, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.
Alf Tsani	-	Seribu tahun yang kedua sesudah Hijrah Nabi s.a.w.
Amir	-	Pemimpin jemaah
Anjuman	-	Khalayak ramai
Anwar	-	Kata jamak bagi Nur, cahaya-cahaya
Aqrab	-	Paling dekat
Aulia	-	Kata jamak bagi Wali
Awrad	-	Himpunan wirid-wirid
Azkar	-	Kata jamak bagi Zikir
'Adadi	-	Bilangan
'Ainul Yaqin	-	Syuhud, Ihsan
'Aliyah	-	Yang tinggi
'Aqidah	-	Pegangan i'tiqad, keimanan
'Arasy	-	Tempat Allah s.w.t. bersemayam

B

Bai'ah	-	Janji taat setia
Baz Gasht	-	Kembali kepada Allah dengan lafaz "Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhoka Matlubi, A'tini Mahabbataka Wa Ma'rifataka".
Basirah	-	Pandangan mata hati

Basyariyah - Sifat-sifat manusiawi
Bida 'ah - Amalan yang tidak menuruti Sunnah

C
Chistiyah - Tariqat Hadhrat Maulana Syaikh Mu'inuddin Chisti Rah. 'alaih
D
Da'I - Seorang pendakwah
Dakwah - Menyeru kepada Agama Allah s.w.t.
Dawam - Secara berterusan, tetap, kekal.
Dawam Agahi - Sentiasa berjaga-jaga menantikan limpahan Faidhz
Dawam Hudhur - Kehadiran Allah s.w.t. yang berterusan
Dehlawi - Nisbat kepada tempat iaitu Delhi, India.

F
Faidhz - Limpahan Ketuhanan
Fana - Kehilangan diri
Faruqi - Nisbat keturunan kepada Sayyidina Umar Khattab Faruq R. 'anhu
Fasad - Kerosakan, kejahatan
Fauqaniyah - Yang kedudukannya bersifat teratas.
Faqir - Orang miskin yang menyerah kepada Allah s.w.t.
Feqah - Kefahaman Agama yang berkaitan Syari'at

G
Ghaib - Sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar
Ghairullah - Makhluk, segala sesuatu yang selain Allah s.w.t.
Ghauts - Darjat kewalian yang tinggi.

H
Ha/Hiya - Dia (Muannats)
Haq - Kebenaran
Hafiz - Seorang yang menghafal Al-Quran
Hakikat - Kebenaran
Hanafi - Mazhab Imam Abu Hanifah Rahmatullah 'alaih
Hambali - Mazhab Imam Ahmad Bin Hambal Rahmatullah 'alaih
Haqiqat - Kebenaran sesuatu
Hadits/Hadis - Perkataan, perbuatan dan diam Hadhrat Nabi s.a.w.
Hadhrat - Kehadiran
Hidayah - Petunjuk
Hijab - Penghadang, tirai
Hosh - Sedar
Hosh Dar Dam - Sedar dalam nafas
Hu/Huwa - Dia (Muzakkar)

I

Ihsan	-	Merasakan seolah-olah melihat Allah s.w.t.
Ijtihad	-	Menetapkan sesuatu hukum Syari'at
Ilahi	-	Tuhan, Tuhanku
Imam	-	Pemimpin
Iman	-	Percaya dan yakin dengan perkara yang ghaib.
Inabah	-	Kembali kepangkuan Allah s.w.t.
Islah	-	Memperbaiki diri
Islam	-	Menyerahkan diri kepada Allah dengan perlaksanaan Syari'at.
Ismu Zat	-	Nama bagi Zat Pencipta iaitu Allah s.w.t.
Istighfar	-	Memohon keampunan dari Allah s.w.t.
Itsbat	-	Menetapkan.
'Irfan	-	Limpahan Ma'rifat Ketuhanan.

J

Jam'iyat	-	Kesemua lataif yang tetap mengingati Allah s.w.t.
Jemaah	-	Secara berkumpulan.
Jihri	-	Menguat dan mengeraskan suara, lisan yang kedengaran.
Jazbah	-	Penarikan terhadap Allah s.w.t.

K

Kashaf	-	Pandangan batin.
Kaifiat	-	Cara dan kaedah perlaksanaan.
Khafi	-	Sesuatu yang bersifat tersembunyi, Latifah Alam Bahut.
Khalifah	-	Naib, pengganti.
Khalwat	-	Bersendirian, berseorangan.
Khalwat Kabirah	-	Bersendirian dengan Allah dalam kesibukan manusia.
Khalwat Saghirah	-	Bersendirian dengan Allah jauh dari kesibukan manusia.
Khandan	-	Kelompok, golongan, keturunan.
Khanqah	-	Tempat Syeikh mendidik Para Muridnya, Zawiyah, Ribat.
Khatrah	-	Kekhuatiran dan lintasan hati.
Khilafah	-	Menerima tanggungjawab Khalifah.
Khudawanda	-	Oh! Tuhanku.
Khwajah	-	Guru Murshid, Syeikh.
Khwajagan	-	Kata jamak bagi Khwajah.
Kiamat	-	Hari tertegaknya perhitungan Allah s.w.t.

L

La Ilaha Illa Allah	-	Tiada Tuhan Melainkan Allah.
Lafaz	-	Sebutan.
Lataif	-	Kata jamak bagi Latifah.
Latifah	-	Kehalusan sifat Rohani.
Lisani	-	Ingatan yang dilakukan menerusi lidah.

M

Mabda - Tempat permulaan
Mabda Faidhz - Tempat sumber permulaan Faidhz
Ma'rifat - Pengenalan terhadap Allah s.w.t.
Masjid - Tempat mendirikan solat berjemaah
Majzub - Seorang yang ditarik menuju kepada Allah s.w.t.
Mahabbat - Cinta, kasih sayang
Malaikat - Makhluk Allah yang diciptakannya dari cahaya dan taat kepadaNya.
Malakutiyah - Sifat-sifat Malaikat
Malfuzat - Kata-kata, ucapan, perkataan yang dilafazkan
Maliki - Mazhab Imam Malik Bin Anas Rahmatullah 'alaihima
Maqam - Tempat kedudukan
Masyaikh - Kata jamak bagi Syeikh
Maulana - Tuan Guru
Maulawi - Guru
Mawrid Faidhz - Tempat yang hendak dilimpahkan Faidhz
Mazhab - Jalan anutan Para Imam Ahlus Sunnah
Mi'raj - Perjalanan Rohani dari tempat rendah ke tempat yang tinggi.
Mujaddid - Seorang yang memperbaharukan Agama Islam
Mujaddidiyah - Nisbat kepada Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani
Mujahadah - Jihad melawan hawa nafsu
Muqaddimah - Pendahuluan
Muqarrabin - Orang-orang yang mendekatkan diri dengan Allah s.w.t.
Muraqabah - Berjaga-jaga menantikan limpahan Faidhz dari Allah s.w.t.
Murshid - Syeikh, pembimbing Rohani
Murid - Seorang yang berkehendak kepada ilmu
Murad - Sesuatu yang dikehendaki
Musyahadah - Ihsan, Syuhud, menyaksikan kehadiran Allah s.w.t.

N

Nabawiyah - Kenabian
Nafi - Menidakkan
Nafi Itsbat - Ucapan kalimah LA ILAHA ILLA ALLAH
Nafs - Latifah Alam Khalaq
Nafsu - Kehendak yang bersifat duniawi
Naqsh - Ukiran
Naqshband - Ukiran yang terpahat
Naqshbandiyah - Nisbat kepada Tariqat Shah Bahauddin Naqshband Rah. 'alaih
Nazar - Memandang
Nigah - Berjaga-jaga, memerhati
Nisbat - Pertalian hubungan
Nur - Cahaya

P
Pir - Syaikh, Khwajah, Murshid, Khalifah, pembimbing Rohani.

Q
Qadam - Kaki.
Qadiriyah - Nisbat kepada Tariqat Hadhrat Syeikh Abdul Qadir Jailani Rah. 'alaih.
Qalb - Latifah Alam Malakut di Alam Amar.
Qalbi - Ingatan yang dilakukan dengan hati.
Qalbu - Hati.
Qalibiyyah - Empat Latifah Alam Khalaq iaitu Tanah, Air, Api dan Angin.
Qana 'ah - Bersederhana dalam segala urusan kehidupan.
Qaus - Maqam muraqabah di dalam Daerah Wilayah Kubra.
Qiblah - Arah panduan.
Qutub - Seorang wali yang mencapai kedudukan tertinggi dan menghuraikan ilmu Hadhrat Baginda Rasulullah s.a.w.
Qutub Aqtab - Wali Qutub yang bertanggungjawab ke atas sekelian Wali Aqtab.

R
Rabitah - Menghubungkan diri dengan Syeikh secara jasmani mahupun rohani.
Rabbani - Pemelihara, pemberi tarbiyah.
Redha - Menerima Qada dan Taqdir Allah dengan lapang dada.
Rohani - Sesuatu yang bersifat kekal pada diri manusia.
Rahmat - Kasih sayang Allah s.w.t.
Ruh - Latifah Alam Jabarut di Alam Amar.

S
Sabar - Tetap dalam melakukan ketaatan dan meninggalkan maksiat.
Safar - Perjalanan.
Safar Dar Watan - Merantau di Alam Amar.
Salafus Soleh - Orang-orang Soleh yang terdahulu.
Sanad - Sijil
Sair - Berjalan, bersiar-siar, merantau.
Sair Afaqi - Perjalanan di luar diri.
Sair Anfusi - Perjalanan di dalam diri.
Sir - Latifah Alam Lahut di Alam Amar.
Solat - Sembahyang.
Sohbet - Berdamping, bersahabat.
Salik - Seseorang yang dalam perjalanan menuju Allah s.w.t.
Sarhindi - Nisbat kepada tempat Hadhrat Imam Rabbani.
Sayyid - Seorang yang berketurunan Hadhrat Baginda s.a.w.
Shauq - Keseronokan.

Syafi'i - Mazhab Imam Syafi'i Rahmatullah 'alaih.
Syaitan - Musuh yang nyata bagi orang-orang beriman.
Syeikh - Pembimbing rohani.
Syaikhul Masyaikh - Syeikh kepada Para Masyaikh, Guru sekelian guru.
Syukur - Berterima kasih kepada Allah s.w.t.
Silsilah - Kesinambungan rantaian sesuatu hubungan.
Subhanahu - Maha Suci Dia.
Sufi - Seorang yang membersihkan hati dari ingatan selain Allah s.w.t.
Suluk - Perjalanan khusus menuju Hadhrat Allah s.w.t.
Sunnah - Amalan Hadhrat Baginda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam
Syari'at - Hukum hakam Agama Islam.
Syafa'at - Pertolongan dan belas kasihan.
Syuhud - Ihsan, musyahadah.

T
Ta'ala - Maha Memiliki Ketinggian.
Tabligh - Menyampaikan kebenaran Agama Allah s.w.t.
Tajalli - Manifestasi, penzahiran.
Talqin - Menyebut dan mengajarkan sesuatu kalimah zikir.
Taqwa - mentaati perintah Allah s.w.t. dan RasulNya Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta meninggalkan laranganNya.
Taubat - Perjanjian tidak akan mengulangi dosa.
Taufiq - Asbab kemampuan untuk melakukan ketaatan.
Tariqat - Jalan khusus menuju kepada Allah.
Tasawwuf - Ilmu tentang membersihkan hati.
Taslim - Menyerahkan diri kepada Allah s.w.t.
Tawajjuh - Memberikan penumpuan.
Tawakkal - Berserah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t.
Tilawah - Pembacaan Al-Quran secara lancar.

U
Ulul 'Azmi - Lima Nabi yang tertinggi darjatnya iaitu Hadhrat Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi 'Isa dan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.
Uwaisi - Nisbat Rohaniah secara batin dengan seseorang Ahlullah yang jauh samada yang masih hidup ataupun yang sudah mati.

W
Wali - Seorang wakil bagi Allah s.w.t dari kalangan manusia.
Wara' - Memperbanyakkan amalan ibadah.
Warid - sesuatu yang terhasil dari amalan zikir.
Wazifah - Amalan zikir yang khusus.
Wijdani - Suatu pengalaman yang dapat dirasai secara nyata.

Wuquf	-	Hentian tetap.
Wuquf Qalbi	-	Menumpukan kepada hati dan hati menumpukan kepada Allah s.w.t.
Wuquf ʻAdadi	-	Menumpukan kepada bilangan yang ganjil ketika berzikir Nafi Itsbat.
Wuquf Zamani	-	Menumpukan kembali ingatan kepada Allah selepas beberapa jam.

Y

Yad	-	Ingat, zikir.
Yad Dasyat	-	Zikir yang bersungguh-sungguh.

Z

Zauq	-	Kelazatan.
Zamani	-	Berkaitan dengan masa.
Zat	-	Hakikat diri.
Zihni	-	Kewujudan sesuatu di ruang fikiran.
Zikir	-	Mengingat Allah.
Zuhud	-	Meninggalkan kesenangan dan kelazatan Duniawi.
Zuriat	-	Anak-anak.